SEJAK 1971
SUARA DARI MENARA ILMU

BERITA KAMPUS

ISNIN 4 Mei 2015 | Jilid 44 Bil 11 | RM1.00 | beritakampus44@gmail.com | ISSN 1397-7443

LAPORAN KHAS | Pulau Aman semakin hilang 'keamanannya' | 10-11

Siswa-siswi hantar petisyen ke BHEPP

Oleh **NG XIANG YI**

Satu petisyen oleh siswa-siswi telah dihantar ke Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (BHEPP) Universiti Sains Malaysia (USM) untuk menyampaikan suara siswa-siswi USM mengenai isu kunci roda dan bas.

Menurut wakil penghantar petisyen, Lee Chung Lun, sebanyak 612 tandatangan berjaya dikumpul dalam kalangan siswa-siswi USM untuk dihantar kepada Timbalan Naib Canselor BHEPP, Profesor Dr. Adnan Hussein.

Lima tuntutan telah dikemukakan dalam petisyen tersebut. Antaranya membuka semula tempat letak kereta kepada siswa-siswi dan menurunkan kadar saman kenderaan, bertindak adil terhadap siswa-siswi, mengemukakan maklumat dan statistik, menambah baik sistem bas komuter, dan melibatkan siswa-siswi dalam membuat polisi dan peraturan.

Sebelum menghantar petisyen ke pejabat BHEPP, Lee menghimpunkan siswa-siswi di foyer Dewan Kuliah H untuk berucap.

Namun himpunan tersebut telah dihentikan oleh Pengarah Jabatan Keselamatan (JK), Profesor Madya Dr. P. Sundramoorthy bersama tujuh orang pegawai JK atas sebab tiada kebenaran daripada BHEPP.

"Sebarang aktiviti pelajar yang dijalankan dalam kawasan USM harus mendapatkan kelulusan daripada BHEPP berdasarkan AUKU. Anda diminta bersurai dan terus menghantar petisyen ke pejabat BHEPP", kata Dr. P. Sundramoorthy.

Kumpulan siswa-siswi kemudiannya bergerak ke pejabat BHEPP. Petisyen tersebut diterima oleh Timbalan Pendaftar, Tuan Haji Hussin Yahaya selaku wakil Prof. Adnan.

Menurut Lee, tujuan beliau memulakan petisyen tersebut adalah untuk menyuarakan kekecewaan siswa-siswi terhadap universiti mengenai isu kunci roda yang berleluasa pada semester ini.

"Saya mendapati bahawa ini adalah satu isu yang serius dalam kampus. Walaupun saya bukan mangsa kunci roda, tetapi saya berharap USM dapat meneliti masalah yang dihadapi oleh kami. Selain aduan dan komen melalui Facebook, kami juga perlu gunakan cara lain untuk maklumkan perkara ini", katanya.

"Sesi dialog antara siswa-siswi dengan Dr P. Sundramoorthy pernah diadakan pada 31 Mac 2015. Walaupun demikian, kami berpendapat bahawa Jabatan Keselamatan tidak ikhlas dalam menyelesaikan masalah tersebut", tambah Lee lagi.

Menurut Mantan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Kebudayaan sidang 2013/2014, Muhammad Firdaus Abdul Rahim, kunci roda bukan satu solusi yang baik kerana ia tidak dapat mengurangkan jumlah kereta yang sedia ada.

"Selagi ruangan letak kereta tidak cukup, masalah tetap akan berlaku. Namun dari segi perkhidmatan bas, terdapat penambahbaikan yang ketara terutamanya dari sudut keselesaan dan keadaan bas", tambah Firdaus.

Selain aduan dan komen melalui Facebook, kami juga perlu gunakan cara lain untuk maklumkan perkara ini.



PADAT . . . Mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamed (kiri) berkongsi ilmu bersama siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) dalam program Cakna Ilmu anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di Dewan Tuanku Syed Putra (DTSP) pada 30 April 2015. Lihat halaman 15 untuk berita selanjutnya.

Office 365 USM percuma bagi siswa-siswi

Siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) yang mempunyai akaun e-mel rasmi USM yang aktif berkelayakan mendapat Office 365 asli yang termasuk Microsoft Office, Office Online, Exchange Online dan Microsoft Lync melalui http://office.com/getoffice365.

Menurut Pegawai Teknologi Maklumat, Pusat Pengetahuan Komunikasi dan Teknologi (PPKT), Encik Khairil Anwar Jusoh, Microsoft pada Disember 2014 secara rasmi telah mengumumkan bahawa siswa-siswi USM yang mempunyai akaun e-mel rasmi USM akan diberikan perisian-perisian tersebut secara percuma.

"Exchange Online menyediakan kemudahan emel, tugasan, kalendar dan kenalan. Pengguna disediakan dengan 50GB ruang simpanan e-mel. Microsoft Lync pula menawarkan perkhidmatan penghantaran mesej segera, persidangan atas talian, perkongsian slaid, dan aplikasi. Office Online membolehkan pengguna mencipta dan mengedit fail melalui Word, Excel, PowerPoint dan OneNote atas talian", jelas Encik Khairil.

Encik Khairil juga mengatakan bahawa siswa-siswi USM yang mendaftar dengan Office 365 dan mengaktifkan lesen Office Professional boleh memuat turun fail pemasangan Microsoft Office Professional untuk platform Windows, iOS dan Android.

"Siswa-siswi boleh memuat turun dan memasang perkhidmatan tersebut sendiri, atau membawa gajet mereka ke PPKT untuk dipasang. Walau bagaimanapun, caj perkhidmatan akan dikenakan", ujar beliau.

Had maksimum bagi setiap siswa-siswi untuk memasang Office 365 USM adalah lima gajet.

Pengguna yang menghadapi masalah mengenai Office 365 USM boleh menghubungi kaunter perkhidmatan PPKT, Unit Emel atau Unit Keselamatan ICT USM.

Pembangunan lunturkan budaya

Budaya adalah sesuatu yang harus diwarisi dari satu generasi kepada generasi yang lain. Budaya bukanlah sesuatu yang mengikat atau mengongkong untuk kekal dengan keadaan sedia kala tetapi budaya adalah satu pegangan yang menjadi panduan kepada bangsa untuk maju dengan nilai budaya mereka.

Menurut Edward Burnett Tylor, pengasas antropologi budaya, budaya diperolehi daripada keluasan etnografi sesebuah bangsa secara komplek yang mana keluasan definisi budaya meliputi pengetahuan, kepercayaan, seni, moral, undang-undang, adat dan segala keupayaan serta tabiat manusia dalam kumpulan masyarakat tersebut.

Perubahan zaman dan teknologi boleh menyebabkan budaya terhakis dan menjadi pudar. Situasi ini berlaku kerana desakan proses globalisasi dan modenisasi yang menekankan serta menggariskan satu panduan dan landasan mengenai konsep negara maju yang berdasarkan pandangan negara Barat.

Proses globalisasi yang pesat telah menekankan kepada kepentingan modenisasi iaitu memodenkan sesebuah masyarakat dengan mengaplikasikan budaya masyarakat Barat yang berstatuskan negara maju. Namun begitu, tidak semua acuan modenisasi dari negara Barat boleh diguna pakai oleh masyarakat Timur.

Budaya Barat tertumpu kepada audien masyarakat dari negara Barat atau Eropah. Antara kriterianya adalah mementingkan material, kebebasan etika moral, kepentingan ilmu pengetahuan dan inovasi teknologi. Manakala, agama tidak dianggap penting dalam melahirkan sebuah negara maju .

Manakala budaya Timur lebih menekankan etika moral, adat yang sangat ketat dan ajaran agama sebagai panduan hidup. Budaya Timur sangat mementingkan perkembangan kerohanian individu. Budaya negara Timur sangat mementingkan pembangunan dan perkembangan kerohanian individu telah terhakis akibat desakan kriteria status negara maju.

Masyarakat yang menempuhi perubahan budaya akibat daripada proses globalisasi dan modenisasi menganggap mereka harus mencontohi budaya yang diamalkan oleh masyarakat Barat sekiranya mereka ingin mencapai taraf masyarakat berstatus negara maju.

Ini kerana, kemajuan dan modenisasi yang dipaparkan oleh masyarakat barat memberi mesej bahawa budaya barat adalah budaya yang harus dicontohi sekiranya masyarakat sesebuah negara ingin maju dan mencapai status negara maju.

Oleh kerana desakan ini, masyarakat mula menghapuskan budaya mereka dan menerapkan budaya barat dalam diri dan kehidupan seharian mereka dan mengakibatkan masyarakat hilang identiti dan jati diri mereka.

Globalisasi atau modenisasi tidak bererti kita harus menghapuskan budaya Timur. Jika dilihat negara Timur yang maju seperti Jepun, Korea Selatan dan lain-lain, masyarakat mereka masih lagi mengekalkan budaya dan mampu menjadi kuasa besar yang menjadi pesaing kepada kuasa Barat.

Jelaslah di sini, globalisasi atau modenisasi tidak seharusnya menghakis budaya Timur. Kita harus menganalisis program pembangunan negara Barat serta mengambil contoh kemajuan negara Timur dan menyesuaikannya dengan kelebihan yang kita ada untuk menjadikan negara kita sebagai sebuah negara yang maju dengan corak acuan tersendiri. Dengan ini, masyarakat Timur tidak akan kehilangan budaya serta identiti bangsa dan negara tercinta.

Pupuk kepercayaan antara kaum

Sebagai rakyat Malaysia, kita mewarisi dan mengamalkan pelbagai budaya unik yang dibawa oleh masyarakat pelbagai etnik. Hal ini sewajarnya mengeratkan hubungan sesama kita.

Walau bagaimanapun, selepas hampir 58 tahun kita merdeka, perasaan syak wasangka dan kurang percaya dalam kalangan masyarakat yang berbeza etnik masih ketara dalam kalangan masyarakat.

Menurut tinjauan yang telah dibuat oleh Merdeka Centre for Opinion Research pada tahun 2010, 43% daripada masyarakat Malaysia menganggap bahawa Malaysia kini kurang bersatu berbanding dahulu, dan kekurangan pemahaman serta rasa hormat terhadap masyarakat yang berlainan etnik ialah antara punca utama berlakunya fenomena sedemikian.

Oleh itu, wujudnya keperluan untuk memupuk semula kepercayaan dan keakraban antara masyarakat yang berbilang kaum. Namun, apakah yang boleh kita lakukan untuk merapatkan jurang perbezaan yang wujud di antara kita?

Sebagai siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM), kita berada di dalam suasana di mana wujudnya masyarakat pelbagai kaum secara semula jadi. Hal ini penting kerana secara latar belakangnya, kebanyakan daripada kita masih terpisah secara demografi di mana kita membesar dengan dikelilingi oleh masyarakat yang kebanyakannya sama kaum dengan kita.

Oleh itu, wajarlah jika kita mengambil kesempatan pada masa ini untuk mengenali dan berkawan dengan mereka yang berlainan etnik daripada kita. Suasana universiti telah menyediakan pelbagai peluang untuk berbuat demikian, iaitu dengan berinteraksi secara dekat di desasiswa-desasiswa, dewan kuliah, dalam aktiviti-aktiviti persatuan, semasa bersukan, dan dengan melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti kebudayaan.

Selain itu, kebanyakan daripada kita semestinya akan gembira sekiranya terdapat persoalan yang ikhlas tentang adat etnik kita dan keinginan untuk mempelajari bahasa dan aspek-aspek budaya etnik kita oleh rakan-rakan yang berbeza etnik daripada kita. Oleh itu, kita turut boleh berbuat demikian kepada rakan-rakan kita untuk mengenali budaya mereka dengan lebih dekat lagi.

Satu lagi perkara yang kita boleh laksanakan untuk memupuk perpaduan antara kita adalah dengan mempelajari untuk berbincang secara berhemah dan dengan penuh rasa hormat dalam perbincangan mengenai isu yang melibatkan pelbagai kaum dan agama. Walaupun mungkin wujud perbezaan pendapat antara kita mengenai isu-isu tersebut, kita haruslah pelajari untuk hormati pendapat orang lain serta kebebasan mereka untuk mempunyai pendapat yang berbeza daripada kita, dan bukannya memberikan respon secara beremosi bersahut semata-mata.

Kita semua haruslah bersyukur kerana negara kita kaya dengan warisan budaya berbilang kaum, dan di USM kita berpeluang untuk berkawan dengan masyarakat berbilang kaum tanpa dipisahkan secara geografi. Wajarlah kita sebagai generasi muda mengukuhkan lagi semangat muhibah dan bersatu sesama kita.

Walaupun mungkin wujud perbezaan pendapat antara kita mengenai isu-isu tersebut, kita haruslah pelajari untuk hormati pendapat orang lain serta kebebasan mereka untuk mempunyai pendapat yang berbeza daripada kita.

Kaedah pembelajaran mantap bawa kejayaan

Perubahan yang berlaku dalam bidang pendidikan di peringkat universiti bukan sahaja meliputi aspek pembangunan ilmu dan penyelidikan yang baru dan terkini, bahkan meliputi perubahan dan perkembangan dalam bidang pengkaedahan penyampaian ilmu kepada siswa-siswi. Kecemerlangan siswa-siswi dipengaruhi oleh faktor kekeluargaan, tenaga pengajar, institusi pendidikan dan paling penting adalah sikap atau kaedah pembelajaran siswa-siswi itu sendiri. Oleh itu, kaedah pembelajaran siswa-siswi akan mempengaruhi hasil pencapaian pendidikan mereka.

Terdapat beberapa jenis kaedah pembelajaran yang boleh dipraktik oleh siswa-siswi. Antaranya adalah kaedah pembelajaran menumpu, memproses, menyerap dan mengingat maklumat atau kemahiran yang baru dan sukar. Kaedah ini menekankan bahawa kebanyakan individu mampu dan berupaya untuk belajar serta mempunyai gaya pembelajaran yang tertentu. Cara ini juga dipengaruhi oleh tindak balas dengan iklim, sumber dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran. Jika seseorang tersebut berupaya menyesuaikan faktor-faktor berikut, maka seseorang itu akan berupaya mengoptimumkan proses pembelajaran yang dilaluinya.

Selain itu, siswa-siswi juga perlu menggunakan imaginasi dan kreativiti dalam pembelajaran dengan membuat pengamatan terhadap maklumat yang diperoleh dan seterusnya memproses maklumat tersebut secara reflektif. Siswa-siswi harus sentiasa memikirkan persoalan terhadap setiap perkara yang dipelajari bagi menunjukkan tindak balas positif dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk mengetahui sesuatu perkara dengan lebih mendalam dan akan mewujudkan siswa-siswi yang aktif dalam menimba ilmu pengetahuan.

Di samping itu, siswa-siswi juga perlu bersikap aktif dan reflektif dalam proses menimba ilmu. Antaranya adalah sentiasa belajar untuk mencuba sesuatu yang baharu, suka belajar dan bekerja dalam kumpulan, lebih suka belajar melalui cara menerangkan kepada kawan-kawan dan senang untuk mengingati sesuatu perkara. Manakala ciri-ciri siswa-siswi yang bersifat reflektif pula ialah sentiasa belajar melalui berfikir, suka belajar dan bekerja secara bersendirian, dan belajar melalui berfikir dahulu dan kemudian menerangkan kepada kawan-kawan. Kedua elemen ini akan memberi kesan yang memberangsangkan kepada siswa-siswi jika mereka benar-benar mengadaptasikannya dalam gaya pembelajaran mereka.

Kesimpulannya, siswa-siswi harus faham kaedah pembelajaran mereka bagi memastikan siswa-siswi belajar menggunakan kaedah yang sistematik dan berkesan. Keadaan ini penting untuk melahirkan siswa-siswi yang mampu mencapai tahap kecemerlangan akademik yang paling optimum agar dapat menghadapi pengurusan kendiri dengan lebih efektif.

Eco-Hub dukung hasrat 'universiti dalam taman'

Perubahan landskap berikutan pembangunan dan sikap warga kampus perlu diambil kira dalam pemuliharaan dan pemeliharaan ekosistem di sekitar kampus. Langkah ini bagi menjayakan konsep 'universiti dalam taman' telah diwujudkan oleh Bekas Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dato 'Dzulkifli Abdul Razak pada 2001 yang lalu.

Pengarah Eco-Hub, Profesor Madya Saad Othman berkata pembangunan adalah perlu bagi sesebuah kawasan tertentu. Oleh kerana penjagaan ekosistem USM di bawah penyeliaan Eco-Hub, maka terdapat prosedur tertentu sebelum penebangan pokok tersebut dijalankan.

"Setiap satu penebangan pokok yang dilakukan, staf Eco-Hub akan menggantinya dengan tiga pokok yang lain bagi mengembalikan ekosistem yang stabil. Pemuliharaan ini sangat penting bagi mewujudkan ekosistem yang baik kepada generasi akan datang", ujarnya.

Menurut beliau lagi, Eco Hub juga telah membentuk satu organisasi dalam kalangan siswa-siswi iaitu Eco-Friend bagi membantu Eco-Hub bagi memelihara alam sekitar USM dan mempromosinya menerusi pelbagai bidang dan kepakaran yang ada.

Pengerusi Sukarelawan Kampus Sejahtera, Wee Soon Kit berpendapat konsep 'universiti dalam taman' boleh dikatakan berjaya diterapkan dalam diri warga kampus. Di samping penjagaan alam sekitar, warga kampus turut terdedah kepada kesedaran tidak merokok dan tidak menggunakan beg plastik.

"Sungguhpun pelbagai kempen dan aktiviti dilakukan bagi mewujudkan kelestarian dalam diri, namun masih juga terdapat segelintir warga kampus yang tidak memandang serius tentang hal ini. Bahkan, ada juga di antara mereka yang langsung tidak mengambil tahu tentang konsep tersebut", tegasnya.

Menurut Nor Fatin Hazirah Othman, Sains Kajihayat 3, USM sememangnya ada mempraktikkan konsep tersebut menerusi program dan aktiviti seperti penanaman pokok, Earth Our dan pertandingan berunsurkan alam semulajadi. Namun, konsep tersebut akan lebih tercapai dengan bermulanya kelestarian dan sikap cintakan alam sekitar dalam diri warga kampus itu sendiri.

Kerjasama siswa-siswi penting bagi lancarkan proses penilaian kursus

Sistem Penilaian Akhir Kursus yang baharu sahaja dilaksanakan secara atas talian iaitu di portal e-learning pada semester pertama sidang akademik 2014/2015 yang lalu hanya mendapat 20 peratus sambutan daripada siswa-siswi.

Menurut Timbalan Pengarah Pusat Kecemerlangan Akademik & Penasihatan dan Pembangunan Pelajar (CDAE), Profesor Dr Hanafi Atan berkata, sistem penilaian tersebut memberikan gambaran yang tepat tentang proses pembelajaran dan pengajaran yang telah dijalankan.

"Dengan gambaran yang tepat, intervensi yang bersesuaian boleh dilakukan oleh pihak universiti dalam meningkatkan lagi kualiti pembelajaran dan pengajaran", ujar beliau.

Tambah beliau, penilaian akhir kursus tersebut pada asalnya dilakukan secara bercetak. Kemudiannya, ia dilakukan secara atas talian bagi menjimatkan kos, kelicinan proses, penjimatan tenaga kerja dan masa.

"Kaedah baharu ini membolehkan analisis data diperoleh secara automatik sebaik sahaja tarikh akhir penilaian tamat. Sistem tersebut juga diwujudkan adalah berikutan kaedah borang soal selidik yang diedarkan sebelum ini telah mengambil masa tiga hingga empat bulan untuk memasukkan data dan memerlukan kira-kira empat atau lima staf yang khusus", katanya lagi.

Menurut Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Seni, Dr Jasni Dolah berkata, siswa-siswi telah diterangkan mengenainya. Mereka turut digalakkan untuk sentiasa peka kepada portal e-learning bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih baik.

"Kepekaan siswa-siswi dalam penggunaan e-learning bukan hanya amat penting bagi proses penilaian tersebut, malah turut memudahkan proses pembelajaran kepada siswa-siswi secara pantas dan boleh diakses di mana-mana sahaja. Selain itu, perubahan penilaian tersebut daripada bentuk percetakan kepada atas talian dapat memulihara alam sekitar", katanya.

Raihana iaitu bukan nama sebenar berkata kepada Berita Kampus bahawa siswa-siswi tidak diwajibkan untuk mengisi penilaian tersebut serta tidak memberi apa-apa kesan terhadap permarkahan sesuatu mata pelajaran. Sungguhpun begitu, siswa-siswi perlu ada sikap bertanggungjawab dalam memberikan kerjasama bagi melancarkan proses penilaian tersebut.

Kepekaan siswa-siswi dalam penggunaan e-learning bukan hanya amat penting bagi proses penilaian tersebut, malah turut memudahkan proses pembelajaran kepada siswa-siswi secara pantas dan boleh diakses di mana-mana sahaja. Selain itu, perubahan penilaian tersebut daripada bentuk percetakan kepada atas talian dapat memulihara alam sekitar.

Seorang alumni ditahan JK

Oleh **NG XIANG YI**

Seorang alumni Universiti Sains Malaysia (USM) ditahan oleh Jabatan Keselamatan (JK) atas sebab disyaki mencuri motor.

Menurut Kew Si Cheng, alumni Sains Kemasyarakatan, beliau ditahan oleh pegawai JK selepas mengeluarkan duit dari mesin ATM di Foyer Dewan Kuliah.

"Saya cuma ingin menghantar teman wanita saya yang masih siswi USM masuk ke dalam kampus dan mengeluarkan duit dari mesin ATM sahaja. Tiba-tiba seorang pegawai JK mendekati saya dan mengatakan bahawa saya adalah suspek mencuri motor dan meminta saya menyerahkan kad pengenalan", jelas Kew.

"Saya tidak ingin berbuat demikian kerana kad pengenalan adalah harta milik saya dan pegawai JK tidak boleh ambil kad pengenalan saya tanpa sebab. Kemudian itu, saya pun dibawa ke pejabat JK untuk memberi keterangan", tambah Kew lagi.

Menurut Kew lagi, beliau tiada apa-apa motif langsung untuk mengambil atau mencuri barang di dalam kampus.

"Saya tidak membawa apa-apa alatan yang merbahaya masuk ke dalam kampus. Takkan pula saya naik motor ke dalam kampus dan mencuri motor lagi?" katanya.

Walau bagaimanapun, kesalahan akhir yang dicatat pada surat keterangan adalah sebab masuk kawasan kampus tanpa mendaftar.

Mengulas kes ini, Pengarah JK, Dr. P. Sundramoorthy menjelaskan bahawa penceroboh adalah satu ancaman keselamatan kepada komuniti kampus kerana mereka sukar dikenalpasti oleh JK.

"Kampus kita adalah premis persendirian. Semua pintu masuk ada papan tanda yang menyatakan bahawa penceroboh akan didakwa. Maka, semua pelawat termasuk alumni harus mendaftar di pondok pengawal terdahulu sebelum masuk", tambahnya.

"Kita tidak boleh mengambil risiko dan menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam disebabkan orang-orang yang tidak dikenali", jelas Dr. P. Sundramoorthy lagi.

Kita tidak boleh mengambil risiko dan menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam disebabkan orang-orang yang tidak dikenali.

Maklumkan kerosakan ATM kepada bank

Kerosakan mesin juruwang automatik (ATM) Bank Islam di Desasiswa Aman Damai dan Desasiswa Restu menyukarkan siswa-siswi untuk melakukan mengeluarkan wang.

Menurut Pengurus Cawangan Bank Islam, Bayan Lepas, Mohd Fauzi Mohd Shariff, Bank Islam tidak mendapat aduan daripada mana-mana pihak mengenai kerosakan ATM Bank Islam di Desasiswa Aman Damai dan Desasiswa Restu.

"Antara kemungkinan punca kerosakan ATM Bank Islam adalah talian mesin ATM tidak stabil, sistem ATM tersebut sedang dipertingkatkan atau baki wang sudah habis", jelasnya kepada Berita Kampus.

"Selalunya kami akan memaklumkan pembekal perkhidmatan mengenai kerosakan ATM kerana penyeliaan ATM bukan berada di bawah Bank Islam. Sebaliknya, kami akan memaklumkan pembekal perkhidmatan untuk membaiki kerosakan ATM", katanya.

"Pembekal perkhidmatan akan memantau ATM dan sekiranya terdapat gangguan dan aduan daripada pengguna, maka kami akan mengarahkan pembekal perkhidmatan untuk membaiki kerosakan tersebut", tambahnya.

"Sekiranya masih berlaku kerosakan ATM Bank Islam di Desasiswa Aman Damai dan Desasiswa Restu, siswa-siswi boleh membuat aduan dengan menelefon mana-mana cawangan Bank Islam", tambahnya lagi.

Menurut Wardah Nadhirah Ibrahim, penghuni Desaiswa Aman Damai, K04, kerosakan ATM di Desasiswa Aman Damai adalah tidak boleh melakukan proses pengeluaran duit tetapi perkhidmatan lain seperti pemindahan kiriman wang dan lain-lain boleh dilakukan.

"Kerosakan ATM di sini kerap berlaku. Selepas dua hingga tiga hari selepas diperbaiki, mesin ATM akan rosak semula. Saya perasan, kerosakan ATM kian menjadi-jadi pada semester ini. Nak tunggu kad keluar pun lambat", jelasnya.

"Sebagai pilihan alternatif, saya akan pergi ke ATM Bank Islam di Perpustakaan Hamzah Sendut I. Tetapi masalah yang saya hadapi adalah ramai orang beratur di sana terutamanya pada waktu kemuncak seperti lepas habis kelas. Saya juga telah membuka akaun bank CIMB untuk mengelak dari beratur panjang", jelasnya lagi.

USM cadang tubuh kolej khas untuk wanita

Universiti Sains Malaysia (USM) akan memperhalusi cadangan menubuhkan kolej khas untuk wanita dalam tiga tahun akan datang.

Timbalan Naib Canselor, (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa) Profesor Dato' Dr Ahmad Shukri Mustapa Kamal berkata, apapun cadangan menubuhkan kolej khas untuk wanita masih pada peringkat perbincangan kerana perlaksanaannya perlu melalui beberapa jawatankuasa bagi menubuhkan satu entiti baru dalam universiti.

Beliau berkata konsep kolej khas untuk wanita diadaptasikan daripada negara luar seperti Korea Selatan, Amerika Syarikat (AS) dan juga Saudi Arabia. Namun, modul kandungan dan kursus yang bakal ditawarkan masih dalam perbincangan.

Tambahnya, konsep kolej khas untuk wanita dirancang dengan teliti kerana berpotensi untuk menimbulkan persoalan dari segi perlaksanaan, pandangan yang berbeza dan kandungan program yang bakal ditawarkan.

"Sehubungan itu, kerangka program dihalusi oleh pelbagai pihak termasuk Pusat Penyelidikan Wanita dan Gender (KANITA) dan rakan strategik dari luar", kata beliau.

"Kampus Induk masih mempunyai ruangan yang mencukupi untuk mendirikan kolej ini. Namun, USM tidak membuat keputusan muktamad berkenaan rancangan ini", jelas beliau.

Beliau berkata USM cadang untuk menubuhkan kolej khas wanita untuk membuka ruang kepada kaum wanita mendapatkan peluang pendidikan.

"Ini bukan sahaja memberikan peluang pendidikan malahan menarik pelajar antarabangsa untuk mengikuti program pengajian di USM sekaligus memperluaskan program kerjasama dengan universiti luar", terang beliau.

Ahmad Syukri berkata perancangan ini selaras dengan pengenalan dua pusat pengajian baharu iaitu Pusat Pengajian Sains Warisan dan Pusat Pengajian Gaya Hidup. Justeru, kedua-dua pusat pengajian ini akan memperlihatkan penyepaduan konsep teoratikal daripada pelbagai kursus berasaskan kekuatan USM.

Fikir sebelum bertindak

Oleh **HEMAWATHI SOMASUNDHARAM**

Pemalsuan akaun twitter Pengarah Jabatan Keselamatan (JK), Universiti Sains Malaysia (USM) yang tersebar luas dalam laman Facebook menarik perhatian warga USM. Kenyataan dalam twitter tersebut menyatakan, 'Kami warga JK akan memastikan setiap dari anda akan menerima kunci rantai jika tidak mempamerkan pelekat kenderaan anda'.

Menurut Timbalan Penasihat Undang-Undang, Pejabat Perundangan, Mohd Izwan Hamdan, mewujudkan akaun media sosial serta menyamar sebagai penjawat awam adalah perbuatan yang salah.

"Saya rasa siswa-siswi yang mengejarkan masa tidak sepatutnya membuang masa dengan perkara yang tidak berfaedah. Jelas, ini menunjukkan mentaliti siswa-siswi yang tidak betul. Justeru, ini bukan caranya", kata beliau.

"Sekiranya, siswa-siswi tidak berpuas hati mereka ada banyak saluran untuk meluahkan perasaan mereka. Antaranya, boleh membuat aduan melalui laman web rasmi dan berjumpa dengan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), pegawai Hal Ehwal Pelajar, atau Jabatan Keselamatan untuk mendapatkan keterangan atau bantuan", kata Izwan lagi.

Tambahnya, perbuatan sebegini melanggar peraturan universiti dan boleh dikenakan tindakan sekiranya dibuktikan bersalah.

Susulan kejadian ini, Pengarah JK, Prof Madya Dr P. Sundramoorthy berkata beliau telah membuat aduan rasmi dan kes tersebut sedang disiasat oleh Polis Diraja Malaysia.

"Setakat polis telah mengesan seorang suspek. Apapun, kes ini masih dalam siasatan awal", ujar beliau.

Beliau turut berkongsi bahawa suspek boleh didakwa di bawah dua kesalahan iaitu, kesalahan multimedia dan kesalahan menyamar sebagai penjawat awam sekiranya didapati bersalah.

Saya rasa siswa-siswi yang mengejarkan masa tidak sepatutnya membuang masa dengan perkara yang tidak berfaedah. Jelas, ini menunjukkan mentaliti siswa-siswi yang tidak betul. Justeru, ini bukan caranya.

Koperasi USM kenakan CBP

Koperasi USM kini mengenakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (CBP) terhadap barangan mereka. Penyelarasan harga baru diadakan bermula 1 April lalu dan mereka telah meletakkan harga barangan yang dicampur 6% kadar CBP. Namun terdapat pertikaian daripada siswa-siswi USM mengenai harga yang telah disertakan sekali dengan CBP seperti yang tertera pada harga barangan.

Seorang siswa yang tidak mahu dikenali menyatakan bahawa terdapat kekeliruan apabila harga barangan telah dikira sekali dengan harga selepas CBP. Dia tidak pasti berapa harga kenaikan sebelum CBP untuk membuat perbandingan bagi berbelanja dengan bijak.

"Seharusnya Koperasi meletakkan harga biasa bagi barangan mereka dan dikenakan bayaran penuh untuk CBP semasa kami membuat bayaran di kaunter", katanya.

Pekerja Koperasi USM, Zulaikha menyatakan bahawa penambahan harga runcit disertakan dengan 6% kadar CBP bagi memudahkan semua pihak untuk mengetahui harga tetap barangan mereka.

"Siswa-siswi disarankan meminta resit bayaran semasa membayar di kaunter bagi mengetahui jumlah bayaran dan CBP yang dikenakan kepada mereka. Tidak semua barang dikenakan CBP, hanya yang tertentu sahaja", jelasnya lagi.



Sebahagian barangan di Koperasi USM yang dikenakan CBP. Kekeliruan berlaku apabila siswa-siswi tidak dapat membandingkan harga sebelum dan selepas barangan tersebut kerana telah disertakan sekali dengan jumlah CBP pada barangan tersebut.

Seharusnya Koperasi meletakkan harga biasa bagi barangan mereka dan dikenakan bayaran penuh untuk CBP semasa kami membuat bayaran di kaunter.

eThesis jimatkan tenaga dan masa

Projek eThesis yang menggunakan sistem perisian terbuka Dspace di Perpustakaan Hamzah Sendut (PHS), Universiti Sains Malaysia (USM), menjimatkan tenaga dan masa warga kampus kerana mereka tidak perlu bergerak ke arkib Malaysiana untuk mendapatkan bahan rujukan thesis yang diperlukan sebaliknya boleh mengakses atas talian.

Menurut Pustakawan Kanan, PHS, Siti Fatimah Hashim, sebanyak 598 judul thesis telah siap didigitalkan semasa pelancaran dan jumlah ini akan terus meningkat dari semasa ke semasa.

Bahan rujukan tersebut hanya boleh diakses secara *read-only* di PHS ketika waktu pejabat sahaja kerana hak ciptanya adalah terpelihara.

"Projek ini akan dilaksanakan sepenuhnya secara *single-sign-on* bagi membolehkan warga kampus mengakses teks penuh eThesis secara atas talian pada sepanjang masa", katanya lagi.

Ainfikriah Bukhari, Seni 1, berkata bahawa eThesis membuka ruang kepada siswa-siswi untuk membuat rujukan secara pantas dan mudah.

"Cadangan untuk pengaksesan e-Thesis secara single sign on adalah terbaik kerana siswa-siswi mampu mengakses eThesis secara berlanjutan kerana tiada had masa yang ditetapkan", tambahnya.

"PHS perlu mempelbagaikan judul thesis agar siswa-siswa dari aliran sains dan sastera mempunyai peluang untuk mengakses bahan rujukan tersebut secara holistik", jelas Ainfikriah.

Siti Fatimah menyarankan siswa-siswi USM untuk menggunakan perkhidmatan eThesis dengan sebaik mungkin dan tidak melakukan sebarang plagiat yang bertentangan dengan polisi universiti.

Projek ini akan dilaksanakan sepenuhnya secara *single-sign-on* bagi membolehkan warga kampus mengakses teks penuh eThesis secara atas talian pada sepanjang masa.

Cyclothon 2.0 galakkan budaya berbasikal

Galakan penggunaan basikal untuk kelestarian menjadi rasional Cyclothon 2.0, sebuah pertandingan marathon berbasikal dianjurkan oleh Jabatan Kuda Besi (Iron Horse Department) di bawah naungan Ecoteam Kampus Kejuruteraan pada 26 April yang lalu.

Menurut pengarah projek Cyclothon 2.0, Jason Yap Jin Hong, pertandingan tersebut bertujuan untuk menggalakkan budaya berbasikal dan bersukan dalam kalangan siswa-siswi, dan untuk menyebarkan kesedaran mengenai pencemaran udara terhadap alam sekitar.

"Kesemua tujuan tersebut sejajar dengan peranan dan tujuan Jabatan Kuda Besi dalam Ecoteam kampus ini untuk menggalakkan lagi budaya berbasikal dalam kampus ini," jelasnya.

Tambah Jason lagi, unsur pertandingan telah diperkenalkan dalam acara Cyclothon pada tahun ini untuk menggalakkan penyertaan daripada siswa-siswi di kampus tersebut yang kebanyakannya memiliki basikal yang bermutu tinggi.

"Untuk Cyclothon 1.0 yang diadakan pada tahun lepas, peserta-peserta berbasikal secara bersahaja dari Kampus Kejuruteraan ke Bukit Panchor dan kembali ke kampus. Walau bagaimanapun, kami menerima maklum balas daripada peserta bahawa mereka akan rasa lebih seronok jika Cyclothon dijadikan sesuatu pertandingan yang mampu mencabar mereka," ulasnya.

Menurut bekas naib pengerusi Jabatan Kuda Besi, Jotham Jeremy Lourdes, acara Cyclothon 2.0 telah diatur dengan baik dan penuh persediaan, tetapi wujud keperluan untuk meningkatkan lagi pasukan pertolongan cemas di sepanjang perjalanan semasa pertandingan berlangsung.

"Saya telah menyertai Cyclothon 2.0 pada tahun ini sebagai peserta, dan semasa pertandingan tersebut berlangsung saya tidak menemui sebarang pegawai perubatan yang bersiap sedia di jalan raya. Tetapi secara keseluruhannya, saya ucapkan tahniah kepada ahli jawatankuasa Cyclothon kali ini kerana telah melaksanakan acara tersebut dengan jayanya," katanya.

Cyclothon 2.0 telah mendapat sambutan daripada hampir 70 peserta daripada pelbagai pusat pengajian, dan telah dimenangi oleh Law Hon Kin (1:47:06) bagi kategori 7 pusingan dan Chang Foo Koon (1:06:44) bagi kategori 4 pusingan.



Peserta Cyclothon 2.0 menggunakan kemahiran berbasikal semasa menuruni jalan raya bergunung.

Kenali diri atasi punca tekanan

Program Basic Counselling telah berlangsung pada 22 April bertempat di Dewan Banquet, Kampus Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia anjuran Kelab Mentor Rakan Siswa (MRS). Program tersebut disampaikan oleh Puan Rozita Nayan.

Menurut Pengarah Projek, Madihah Basirah, program tersebut disertai oleh ahli MRS Kampus Kejuruteraan USM serta 17 siswa-siswi. Program tersebut bertujuan memperkenalkan unit kaunseling dan cabangnya kepada ahli MRS dan meningkatkan nilai potensi diri ahli MRS menerusi kemahiran asas kaunseling.

Menurut Ketua Exco Kaunseling, Haziq Mudzakir Abdul Wahab, intipati program ini adalah untuk mengetahui cabang-cabang ilmu kaunseling dan dapat mengetahui pengalaman penceramah semasa beliau menjadi kaunselor. Selain itu, untuk mengetahui tahap tekanan peserta dan cara pembelajaran yang sesuai untuk individu tersebut.

"Program ini bermatlamat untuk menanam sifat kaunselor dalam diri setiap peserta. Selain itu, kami juga inginkan setiap peserta tahu bahawa tidak semestinya inidividu yang berjumpa dengan kaunselor adalah individu yang bermasalah tetapi mereka adalah individu yang memerlukan khidmat nasihat daripada kaunselor", tambahnya lagi.

"Aktiviti yang dijalankan dalam program ini adalah peserta diminta untuk menjawab soalan tinjauan mengenai tahap tekanan yang mereka hadapi dan mengenalpasti cara pembelajaran yang tepat", katanya.

Menurut Haziq lagi, dia kurang berpuas hati kerana program ini kurang mendapat sambutan berikutan terdapat banyak program yang dijalankan pada hari yang sama. Oleh itu, siswa-siswi terpaksa memilih program tertentu sahaja untuk disertai.

Perkhidmatan kongsi kereta jamin kelestarian

Oleh **DEBRA WONG SER LIN**

Pengamalan sistem pengangkutan yang lestari menjadi hasrat bersama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Kampus Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia (USM) dan wakil-wakil Tripda USM untuk mengadakan usahasama bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kongsi kereta di kampus tersebut.

Menurut Exco Keintelektualan dan Kelestarian MPP Kampus Kejuruteraan, Afi Zulhilmi A Rahman, kerjasama tersebut telah dimulakan pada 4 Mac lalu di mana MPP akan menyokong serta mempromosikan Tripda, iaitu sebuah aplikasi percuma yang memudahkan pencarian perkhidmatan berkongsi kereta, melalui kempen 'Green Campus by Carpooling with Tripda'.

"Dalam kempen tersebut, gerai-gerai didirikan di sekitar kawasan kampus untuk memperkenalkan aplikasi Tripda kepada siswa-siswi serta menanamkan budaya berkongsi kereta dalam diri mereka, supaya kita dapat mewujudkan kampus yang lebih lestari dengan pengurangan penggunaan kereta," jelasnya.

Menurut Afi lagi, kerjasama tersebut lahir hasil gabungan hasrat MPP, iaitu mewujudkan kempen berkongsi kereta (carpooling) dalam kawasan kampus untuk mengurangkan masalah parkir di dalam kampus ini, dengan hasrat pengguna-pengguna aplikasi Tripda di kampus tersebut yang ingin memperkenalkan Tripda kepada siswa-siswi USM bagi menjayakan agenda kampus hijau serta mewujudkan satu komuniti berkongsi kereta di dalam kampus.

Menurut salah seorang wakil Tripda bagi USM, Vincent Ong, Tripda menyenangkan siswa-siswi untuk merancang perjalanan mereka serta menjimatkan kos semasa bercuti pendek ataupun semasa balik ke kampung.

"Sebagai contoh, jika kita ingin pergi ke Kuala Lumpur daripada kampus ini, tambang bas akan berharga RM38 dan ke atas dan jika memandu kereta, kosnya boleh naik sehinggalah sekurang-kurangnya RM100. Dengan menggunakan Tripda untuk merancang perkongsian kereta dengan empat orang yang lain, kos perjalanan akan dikurangkan kepada hanya RM25 seorang," jelas Vincent.

Tambah Vincent lagi, aplikasi yang berasal daripada Brazil tersebut telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada siswa-siswi di kampus tersebut.

"Setakat ini, terdapat hampir 1000 siswa-siswi yang telah menyertai kelab Tripda di kampus ini, dan kami bercadang untuk meluaskan promosi kelab ini ke Kampus Induk pada bulan depan nanti," kata Vincent.

Menurut Jotham Jeremy Lourdes, Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik 2, Tripda sangat dikenali di kampusnya kerana kesenangan penggunaannya, dan kampus tersebut mempunyai pengguna berdaftar aplikasi tersebut yang ramai.

"Saya sendiri telah menggunakan Tripda sejak November tahun lepas lagi apabila aplikasi tersebut mula diperkenalkan di kampus ini, dan setakat ini saya telah berkongsi kereta saya selama 60 kali," jelasnya.

Kampus Kejuruteraan rasmi USM Bebas Tembakau

Kampus Sejahtera telah menganjurkan program USM Bebas Tembakau dan Karnival Promosi Kesihatan di Kampus Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia (USM) pada 22 April 2015 yang lalu.

Program telah dirasmikan oleh Pengarah Kampus Kejuruteraan, Professor Dr. Zainal Ariffin Mohd Ishak.

Menurut Pengarah Projek, Che Nur Hidayati Mohd Husaini, program tersebut diadakan untuk merasmikan secara langsung USM Bebas Tembakau dan memberikan kesedaran kepada siswa-siswi USM di Kampus Kejuruteraan.

"Seramai 400 orang yang hadir iaitu 100 staf dan 300 siswa-siswi USM yang hadir", tambahnya lagi kepada *Berita Kampus*.

Tambahnya lagi, program itu bertujuan memberi kesedaran kepada siswa-siswi USM. Oleh itu, setiap perokok perlu mengambil inisiatif untuk menjauhkan diri dari gejala merokok. Merokok memberi kesan kepada individu, masyarakat dan negara. Kesihatan mereka juga akan terjejas kerana asap rokok mengandungi bahan-bahan kimia yang membahayakan.

PALAPES USM laksana 10 unit kredit mulai sidang depan

Menjelang sidang akademik dua sesi 2014/2015 unit kredit bagi badan beruniform Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Universiti Sains Malaysia (USM) akan dinaikkan kepada 10 unit sepanjang tempoh kursus tersebut.

Pengerusi Rancangan PALAPES USM, Kapten Dr Hazizan Mohd Hashim berkata, unit kredit tersebut dinaikkan bertujuan mengiktiraf siswa-siswi yang menyertai badan unit beruniform tersebut dan Pasukan PALAPES telah melaksanakan penstrukturan jumlah Student Learning Time (SLT).

"Perkara ini adalah mengiktiraf pegawai kadet sepanjang mereka mengikuti kursus tersebut selama enam sidang dan pembahagian jumlah unit adalah tiga unit pada peringkat bawah, tiga unit peringkat pertengahan dan empat unit pada peringkat atas", katanya.

Tambahnya lagi, pegawai kadet PALAPES lebih banyak meluangkan masa, tenaga demi untuk memenuhi jumlah jam kursus yang perlu mereka penuhi dan kekerapan mengikuti latihan yang banyak berbanding badan unit beruniform yang lain.

"Peningkatan unit tersebut adalah selaras dengan resolusi yang dipersetujui bersama seluruh Universiti Awam (UA) bengkel Ke Arah Seribu Pegawai Kadet yang berlangsung di Port Dickson, Negeri Sembilan pada April 2014 telah mensasarkan seribu pegawai kadet setiap UA di Malaysia. Ini adalah arahan daripada Kabinet yang dipengerusi oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Mohammad Najib Tun Abdul Razak " katanya lagi.

Beliau berkata, perkara ini sendiri telah dipersetujui dan diluluskan oleh Dewan Senat USM pada 9 Februari yang lalu untuk menaikkan unit tersebut daripada enam kepada sepuluh unit dan perkara ini akan dilaksanakan menjelang sidang hadapan.

Sementara itu, Beliau juga berkongsi bahawa Pusat Rancangan Kokurikulum sedang merancang untuk mewujudkan minor Sains Pertahanan dan Keselamatan yang akan ditawarkan pada tahun 2016 atau 2017 kelak dan program tersebut akan dinaik taraf sehingga peringkat Diploma Lepasan Ijazah sama ada ditawarkan di USM atau UiTM melalui kerjasama.



TEKUN... Membaca peta adalah sebahagian modul pelajaran pegawai kadet PALAPES Tentera Darat bagi memenuhi kriteria sebagai Pegawai Muda dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Beliau juga berharap agar selaras dengan pengiktirafan ini, semua pegawai kadet dapat meningkatkan akademik dan kokurikulum serta dapat dijadikan sebagai satu platform untuk menaikkan nama PALAPES dan seterusnya USM.

PALAPES juga masih menerima dan membuka peluang kepada pelajar tahun dua yang mengikuti program selama empat tahun di USM untuk melibatkan diri dalam pasukan tersebut. Manakala sasaran pengambilan pegawai kadet baharu untuk sidang hadapan adalah seramai 250 orang bagi ketiga-tiga perkhidmatan seperti Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara.

Pembuangan sisa makanan harus dikawal segera

Pembuangan sisa makanan di Tasik Aman Damai kian berleluasa sejak kebelakangan ini. Sikap tidak prihatin dan tidak bertanggungjawab segelintir pihak telah mencemarkan kawasan USM dan mengundang gangguan haiwan liar.

Menurut Penolong Pendaftar Kanan, Jabatan Pembangunan, USM, Zairani Mohamed Zain, penggunaan tong sampah tidak digalakkan di kawasan sekeliling USM bagi mengekalkan konsep kelestarian yang diterapkan USM.

"Sekiranya ada acara, Jabatan Pembangunan akan menyediakan tong sampah. Ini kerana penggunaan tong sampah yang banyak akan menyebabkan gangguan haiwan liar seperti gagak dan anjing liar berkeliaran di kawasan USM", katanya.

Menurut Pembantu Awam Unit Pengurusan Sampah, Jabatan Pembangunan, USM, Abd. Wahab Bin Aziz, setiap warga USM harus mempunyai kesedaran yang tinggi dalam menjaga kebersihan persekitaran USM.

"USM adalah salah satu universiti yang bersih. Setakat ini, USM tidak pernah mencapai 90 mata dari segi piawaian kebersihan. Namun, itu bukan perkara yang mustahil untuk dicapai", jelasnya.

"Sikap sesetengah warga USM yang membuang sisa makanan di kawasan persekitaran USM tidak seharusnya berlaku. Tindakan ini menjejaskan imej USM dan menyukarkan pelaksanaan operasi Unit Pengurusan Sampah", jelasnya lagi.

"Setakat ini, universiti tidak mengenakan sebarang tindakan atau denda terhadap individu yang membuang sisa pepejal atau sampah di tempat yang tidak sepatutnya. Namun saya merancang untuk membawa isu ini ke peringkat pengurusan universiti supaya masalah ini dapat diatasi", katanya kepada Berita Kampus.

"Siswa-siswi boleh menjalankan tanggungjawab sosial dan peranan mereka dalam mengawal masalah pembuangan sisa makanan di Tasik Aman Damai dengan menegur individu yang tidak bertanggungjawab tersebut", tambahnya.

Beliau juga berharap agar universiti dapat mempertimbangkan untuk membuat poster bagi meningkatkan kesedaran warga USM terhadap kepentingan menjaga kebersihan persekitaran USM.

Bank resume jana peluang pekerjaan

Oleh SHANGITHA SADAYAN

Bank resume dalam portal Campus Online Universiti Sains Malaysia (USM) adalah usaha yang memerlukan siswa-siswi melengkapkan maklumat peribadi untuk memudahkan rujukan pihak industri serta sebagai persediaan ke alam kerjaya.

Menurut Ketua Penolong Pendaftar, Pusat Penempatan Graduan USM, Roslan Kamarudin, siswa-siswi tahun akhir boleh mengemaskini maklumat dalam bank resume dari semasa ke semasa.

"Resume tersebut memenuhi standard template yang diperlukan oleh pihak industri pada masa kini dan siswa-siswi boleh mencetaknya untuk kegunaan persendirian. Melalui kemudahan ini, pihak industri diberi kebenaran untuk mengakses maklumat peribadi serta pencapaian siswa-siswi untuk penawaran peluang pekerjaan", jelasnya.

Muhamad Luqman Hasan, Sains Kimia 3, berkata bahawa kewujudan bank resume membolehkan siswa-siswi mempunyai peluang pekerjaan yang luas.

"Siswa-siswi juga boleh mengemaskini maklumat mengikut keperluan masa yang dapat meringankan beban mereka. Saya percaya bahawa bank resume mampu menyediakan siswa-siswi ke alam kerjaya kerana akses yang mudah oleh pihak industri seterusnya berperanan sebagai platform kepada mereka untuk memiliki kerjaya yang dikehendaki", tambahnya.

Roslan menyarankan siswa-siswi untuk menggunakan bank resume dengan sebaik mungkin untuk kebaikan bersama pada masa hadapan.

USM berhasrat lebih ramai alumni bantu universiti

Universiti Sains Malaysia (USM) berhasrat untuk mendapatkan lebih ramai alumni USM dalam pelbagai peringkat.

Menurut Naib Canselor USM, Prof Dato' Omar Osman alumni USM akan dapat membantu universiti dalam pelbagai perkara.

"Alumni USM yang bergraduan ijazah tinggi kini mencecah hampir 23,000 orang termasuklah 3000 orang graduan ijazah doktor falsafah (Ph.D) serta mencontohi alumni yang aktif seperti Tan Sri Mustafa Mansur yang terlibat sebagai Pro-canselor USM", jelas beliau.

Dalam sidang media, beliau menyatakan hasrat supaya lebih ramai alumni dapat kembali ke universiti atau bersama-sama dengan Yayasan USM untuk meningkatkan pemerkasaan universiti dalam pelbagai bidang seperti perancangan masa hadapan.

Dalam pada itu, Pro-canselor USM, Tan Sri Mustafa Mansur menambah, sebagai universiti kedua tertua di Malaysia, USM telah menerokai banyak bidang serta memberi pengiktirafan dan peluang kepada mana-mana masyarakat berusia emas dan sudah bersara, yang ingin meluaskan pengetahuan dalam pelbagai bidang.

"Jadi, sebagaimana negara membangun, kita mengharapkan lebih ramai lagi pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan sebagainya mengambil peluang ini untuk melanjutkan pelajaran ke pringkat yang lebih tinggi" katanya.

Jelasnya lagi, hal ini membolehkan masyarakat setempat dan luar bandar dapat meluaskan minda serta pengetahuan mereka.

"Maka dengan adanya mereka yang berfikiran terbuka dan berinovasi, ini bermakna kampung dan komuniti akan mendapat manfaat dan pengiktirafan seperti yang diharapkan. ", tambahnya lagi.

Third hand smoking revealed

By MICHELE NG HENG KIM

According to a study by Penang General Hospital Chest Clinic, the number of lung cancer cases among women in Penang has increased for the past two years.

"The study found out that it was due to third hand smoking", said the Consultant Cardiothoracic Surgeon from Penang Adventist Hospital, Dr John Edward Anderson.

Everyone is aware of first and second hand smoking. On the other hand, third hand smoking is a new concept that is not known to many.

"Third hand smoking is when you smoke alone in the house, for example. The smoke particles have gone down to the sofa, carpet and floor. When you family comes back and moves around the house, this movement causes the smoke particle to rise and you will breathe them", explained Dr John Edward.

"For you as the community today, you can establish yourself as a non-smoker. Encourage your friends not to smoke near you. It is good to create an environment of non-smoking around you", he advised the participants of the Real Life Talk.

Dr John Edward also said that it is easy to get hooked to smoking. Once you are hooked, it is very difficult to get unhooked. However, it is possible to be unhooked by changing your habit.

"What is your habit? Your habit is your smoking. When you take a cigarette and start lighting them up, that is your habit", said an ex-smoker, Mr Tan Tiong Chew who is another speaker of the talk.

Mr Tan who has quit smoking for almost ten years said understanding your own habit is important. Replace the old habit with a new one.

Change your character. Change your plan. Change your way of doing things. That is how to break a habit. If you cannot break a habit this way, there are no other ways", Mr Tan added.

Mr Tan also said that you are the one who started smoking so you are the one who will end it.

Dr John Edward agreed with Mr Tan that habit change is important and suggested the acronym S.T.A.R.T. to stop smoking. The acronym signifies S (Set a date), T (Tell), A (Anticipate), R (Remove) and T (Talk).

Third hand smoking is when you smoke alone in the house, for example. The smoke particles have gone down to the sofa, carpet and floor. When you family comes back and moves around the house, this movement causes the smoke particle to rise and you will breathe them.

Caj masuk Kompleks Sukan Azman Hashim bersebab

Warga Universiti Sains Malaysia (USM) dan masyarakat sekeliling bakal menikmati kemudahan Kompleks Sukan Azman Hashim (KSAH) yang dijangkakan siap pada suku akhir tahun ini.

Menurut Pengarah Pusat Sukan dan Rekreasi, USM, Muhamad Mohamad Hanif, pembinaan KSAH dijangkakan siap dengan mendapat perakuan kelayakan (CF) pada bulan Oktober tahun ini.

"Kompleks Sukan Azman Hashim mempunyai sistem pengurusan yang berlainan iaitu pengunjung dikenakan Yuran Komitmen sebagai caj kemasukan. Kadar yuran yang berbeza dikenakan untuk siswa-siswi, staf dan orang awam", jelasya.

"Yuran yang dikenakan kepada siswa-siswi dan staf USM adalah pada kadar yang berpatutan. Manakala bagi orang awam pula, kadar yuran bergantung kepada harga pasaran. Setakat ini, kami belum menentukan bayaran lagi tetapi kadar bayaran tersebut tidak akan membebankan warga USM", jelasnya lagi.

Beliau berkata, yuran yang dikenakan adalah untuk menjana semula kos pembinaan dan mengikatkan pengunjung kompleks sukan untuk menjaga dan menggunakan segala kemudahan yang ditawarkan dalam KSAH dengan sebaik mungkin. Selain itu, yuran tersebut juga akan digunakan sebagai tabung untuk Yayasan Azman Hashim.

"Kompleks ini dilengkapi dengan gelanggang bola keranjang, bola jaring, bola tampar dan futsal. Selain itu, terdapat juga Pusat Sehenti Ambank, gimnasium dan restoran. Kompleks ini boleh menempatkan kira-kira 500 orang dalam satu masa", katanya.

"Kos pembinaan kompleks ini adalah kira-kira hampir RM2 juta. Kompleks ini mendapat tajaan RM1 juta daripada Pengerusi Kumpulan Ambank, Tan Sri Azman Hashim. Universiti juga mengeluarkan dana untuk pembinaan kompleks ini", katanya lagi.

"Kompleks ini juga menggunakan lampu LED yang memakan belanja sebanyak RM500 ribu dengan tujuan menggalakkan penjimatan elektrik", jelasnya kepada Berita Kampus.

Yuran yang dikenakan adalah untuk menjana semula kos pembinaan dan mengikatkan pengunjung kompleks sukan untuk menjaga dan menggunakan segala kemudahan yang ditawarkan dalam KSAH dengan sebaik mungkin. Selain itu, yuran tersebut juga akan digunakan sebagai tabung untuk Yayasan Azman Hashim.

Siswa dakwa minuman kafe IK basi

Satu makluman telah dibuat oleh siswa Universiti Sains Malaysia (USM) melalui portal USM Info Sharing di Facebook bahawa minuman basi dijual di kafeteria L10 Indah Kembara (IK).

Menurut siswa USM, Fahimi (nama samaran), beliau terasa bau pelik dan basi semasa minum teh ais yang dibeli di L10. Maka, beliau pun menulis pengalamannya di Info Sharing sebagai satu peringatan kepada siswa-siswi USM.

"Teh ais itu berbau basi bagi saya. Saya pun memberitahu kakitangan gerai minuman tersebut tentang perkara ini. Namun, kakitangan itu tidak percaya dan kata teh ais itu baru dibuat. Oleh itu saya pun bagi dia cuba rasa teh ais itu", jelasnya.

"Selepas cuba rasa, kakitangan tersebut setuju menukar minuman lain bagi saya. Walau bagaimanapun, rasa kopi ais yang diganti itu turut pelik. Namun saya tidak minta gantian minuman lagi kerana telah berasa malas dan kecewa", tambah Fahimi lagi.

Namun begitu, menurut kakitangan Gerai Minuman 07, Mohamad Amirul Midzwan, memang ada siswa yang memberitahu bahawa teh ais yang dibeli itu berbau basi. Namun, apabila beliau mencuba rasa teh ais tersebut, tiada perisa atau bau pelik yang dikatakan.

"Minuman yang kami jual dibuat baru setiap pagi. Masalah basi boleh kata tiada. Walau bagaimanapun, kami sudi mengganti minuman lain kepada siswa tersebut kerana mungkin rasa setiap orang berbeza. Kepuasan pelanggan lebih penting bagi kami", jelas Amirul.

"Ini adalah kali pertama kami mengalami situasi sebegini. Sebelum ini, kami tidak pernah menerima apa-apa aduan daripada siswa-siswi. Pada hari tersebut juga tiada aduan lain yang diterima", tambahnya.

Teh ais itu berbau basi bagi saya. Saya pun memberitahu kakitangan gerai minuman tersebut tentang perkara ini. Namun, kakitangan itu tidak percaya dan kata teh ais itu baru dibuat. Oleh itu saya pun bagi dia cuba rasa teh ais itu.

Siswa-siswi manfaatkan kursus kelestarian

Kursus WSU101 Kelestarian: Isu, Cabaran & Prospek siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) berjaya menarik minat siswa-siswi USM untuk mendaftar kerana bilangan yang mendaftar seramai 527 orang pada semester ini.

Menurut Pensyarah Kanan Centre for Global Sustainability Studies (CGSS) USM Dr Mohd Sayuti Hassan, dengan jumlah itu menunjukkan bahawa siswa-siswi semakin peka tentang kelestarian. Ada juga siswa-siswi sebelum ini kurang berpengetahuan tentang kelestarian, Namun, setelah mengikuti kelas ini barulah mereka benar-benar memahami apa itu kelestarian dan cuba mengamalkan konsep kelestarian dalam kehidupan seharian mereka.

"Kursus ini telah diperkenalkan di USM sejak tahun 2011 kerana mendokong Visi USM 'untuk menjadi universiti terpimpin dalam kelestarian bertaraf dunia'. Kursus ini diperkenalkan kepada siswa-siswi kerana mendedahkan elemen kelestarian yang perlu diterapkan dalam gaya hidup yang lestari. Di samping itu, dalam kursus ini siswa-siswi juga akan menjalankan projek yang berkaitan secara langsung dengan kelestarian", jelasnya.

Tambah beliau, sikap dan tingkah laku untuk melestarikan bergantung kepada siswa-siswi itu sendiri. Jika ilmu yang dipelajari tidak diamalkan maka ia tidak memberi manfaat kepadanya. Siswa-siswi juga perlu bersedia untuk berubah ke arah kebaikan kepada dirinya dan masyarakat sekeliling dan mengambil sikap serampang dua mata, yakni dapat mempraktikkan apa yang dipelajari sekali gus mendapat unit untuk keperluan pengijazahan.

Menurut Nor Hayati Mat Musa, Ilmu Kemanusiaan 2, beliau mengambil kursus ini kerana mempunyai minat yang mendalam dan sedar bahawa pembangunan kelestarian penting dalam setiap diri individu.

"Kursus ini memberi manfaat kepada saya kerana ia mencakupi pelbagai aspek seperti ekonomi, alam sekitar dan memenuhi kehendak individu tanpa menjejaskan keupayaan generasi akan datang. Untuk menjamin kesejahteraan pendedahan dan kesedaran awal perlu diberikan kepada masyarakat", ujarnya kepada wartawan Berita Kampus.

Dr Sayuti juga menasihatkan siswa-siswi yang mengambil kursus ini dapar menguar-uarkan tentang kelestarian kepada orang ramai. Mereka juga di nasihatkan sentiasa mengamalkan gaya hidup yang lestari dan seterusnya jadikan elemen-elemen kelestarian yang mereka pelajari seperti air, tenaga, kesihatan, biodiversiti, perubahan cuaca, kemiskinan dan populasi, pertanian serta pengeluaran sebagai panduan hidup lestari sekarang.

"Siswa-siswi boleh di bawa ke suatu tempat untuk melihat sendiri betapa pentingnya mengamalkan gaya hidup lestari. Malah mereka juga sepatutnya melakukan projek dengan komuniti luar daripada USM bagi mengeratkan lagi hubungan kelestarian antara warga kampus dengan komuniti luar", akhirinya.

Tokoh pengamal media terima Ijazah Doktor Falsafah

Oleh **HEMAWATHI SOMASUNDHARAM**

Ketua Pegawai Eksekutif Institut Akhbar Malaysia (MPI), Datuk Chamil Wariya menerima Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang komunikasi pada Upacara Konvokesyen ke-51 Universiti Sains Malaysia (USM) bertempat di Dewan Tuanku Syed Putra (DTSP).

Beliau ialah antara 262 penerima Phd pada Upacara Konvokesyen ke-51 USM yang disempurnakan oleh Tuanku Canselor USM, D.Y.M.M. Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullai.

"Saya syukur kerana dapat sempurnakan Ph.D. pada usia 62 tahun. Saya turut berterima kasih kepada USM kerana memberikan bantuan kepakaran", kata Chamil ketika ditemui media.

Menurut Chamil, beliau mengambil masa dua tahun untuk menyempurnakan tesis yang bertajuk 'Strategi Pemujukan Najib Razak Dalam Komunikasi Politik' dengan meneliti 15 teks ucapan utama Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada Perhimpunan Agung UMNO sepanjang tempoh 1988 hingga 2013.

"Penelitian terhadap strategi pemujukan yang diaplikasi oleh beliau mendapati bahawa Najib seorang yang berfikiran saintifik dan menggunakan statistik untuk menyokong hujahannya. Selain itu, beliau juga menggunakan testimoni daripada kalangan yang berwibawa dan juga sumber daripada Al-Quran dan Al-Sunnah. Justeru, ucapan Najib dikategori hebat kerana menepati elemen retorik untuk memujuk khalayak", jelas beliau ketika ditanya berkenaan hasil penelitian ucapan Najib.

Bapa kepada tiga orang anak ini turut berharap agar kejayaan beliau dapat memberi dorongan kepada pengamal media lain untuk terus meningkatkan ilmu.

Saya syukur kerana dapat sempurnakan Ph.D. pada usia 62 tahun. Saya turut berterima kasih kepada USM kerana memberikan bantuan kepakaran.



BANGGA...Ketua Pegawai Eksekutif Institut Akhbar Malaysia (MPI), Datuk Chamil Wariya menerima Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang komunikasi pada Upaacara Konvokesyen ke-51 Universiti Sains Malaysia (USM). Minat beliau untuk menyempurnakan Phd dalam usia 62 tahun patut dicontohi oleh pengamal media yang lain. GAMBAR OLEH NG XIANG YI.

Beliau turut berkongsi bahawa kerap menulis, membaca, dan menyelidik merupakan kunci kejayaan beliau bagi menyempurnakan tesis pada tempoh yang terhad.

Naib Canselor USM, Prof Dato' Omar Osman, mengambil kesempatan untuk mengumumkan bahawa USM bakal menawarkan jawatan Felo Pasca Sarjana Kedoktoran kepada Chamil di Pusat Pengajian Komunikasi (PPK) untuk meningkatkan penyelidikan dalam bidang kewartawanan dan komunikasi.

Usia bukan penghalang kejayaan

Graduan istimewa, Safiah Abu Bakar berjaya menerima Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Bahasa Inggeris untuk Profesional pada usia 65 tahun.

Beliau antara 363 graduan yang dianugerahkan ijazah pertama pada Upacara Konvokesyen ke-51 Universiti Sains Malaysia (USM) yang dipengerusikan oleh Pro Canselor, Tan Sri Dato' Dr M. Jegathesan.

"Saya berterima kasih kepada dekan dan staf Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan (PPBLT) yang sangat membantu sejak mendaftar sebagai graduan sepenuh pada tahun 2011", ujar Safiah.

"Saya gunakan masa terluang selepas persaraan saya pada usia 60 tahun bagi melanjutkan pengajian tinggi sekaligus bersaing dengan generasi Y untuk membuktikan keyakinan diri saya", tambah beliau.

Menurutnya, beliau bekerja sebagai kerani sebelum mengerjakan impian yang terpendam sejak tamat Tingkatan 6.

Ibu kepada dua orang anak ini berkata, sokongan dan dorongan yang diberikan oleh keluarga dan rakannya telah memberikan ruang untuk terus fokus dalam bidang pengajian yang diikuti.

Menurut Dekan PPBLT, Profesor Dr Tengku Sepora Tengku Mahadi, Safiah telah membuktikan bahawa usia bukan penghalang untuk mencapai kejayaan.

"Safiah terus berusaha untuk memberikan yang terbaik walaupun beliau mengambil jangka masa yang panjang untuk meneruskan pengajian tinggi. Beliau juga seorang yang berupaya mengadaptasi persekitaran dan kehidupan sebagai penuntut universiti", kata Prof Tengku Sepora ketika ditemui Berita Kampus.

Menurut Prof Tengku Sepora, Safiah turut menguasai bahasa Mandarin dan menghadiri kelas insentif sebelum mendaftarkan diri sebagai siswi USM.

Menurut Badrul Hisham Merican, 43 yang merupakan anak sulung Safiah, beliau terkejut apabila ibunya menyampaikan hasrat untuk melanjutkan pengajian ijazah pertama. Namun, beliau dan adiknya tetap menyokong ibu mereka kerana masih bersemangat untuk meluaskan pengetahuan.

"Saya amat berbangga kerana ibu saya berjaya memenuhi cita-cita beliau dan menjadi inspirasi kepada orang lain", kata Badrul.

"Safiah ialah graduan yang patut dicontohi dalam konteks pembelajaran sepanjang hayat. Justeru, USM akan terus menyerap lebih ramai warga emas sekaligus menggalakkan untuk melanjutkan pengajian di USM", kata Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr Omar Osman dalam sidang media.

Pengerusi JKKK Kpg Pering peroleh Ijazah Sarjana Muda

Seorang warga emas menyambut hari kelahirannya yang ke-66 tahun dengan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera (klasik) ketika Upacara Konvokesyen ke-51 Universiti Sains Malaysia (USM).

Johari Yahya, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan (JKKK) Kampung Pering, Padang Serai, Kedah berkata beliau ingin memberikan motivasi kepada generasi muda masa yang berada di kampung terutamanya anak-anak dan cucu bahawa umur bukan penghalang untuk meneruskan pembelajaran dan memperoleh kejayaan.

Tambahnya lagi, dari segi pencarian maklumat, sumber dan bahan beliau melakukannya sendiri tanpa bantuan ahli keluarga yang lain.

"Saya mahukan kejayaan ini adalah 100% hasil titik peluh saya sendiri. Memang ada anak-anak yang ingin menghulurkan bantuan, namun mereka mempunyai latar belakang bidang yang berbeza daripada saya. Mereka belajar dalam bidang sains, manakala saya pula dalam bidang sastera. Jadi, adalah lebih baik saya melakukannya sendiri", jelas beliau.

Dari segi pembahagian masa, Johari menerangkan beliau akan memperuntukkan masa mulai selepas waktu subuh hingga jam 9.30 pagi untuk melakukan kajian beliau.

"Saya berharap agar dengan kejayaan saya ini mampu memberikan semangat, dorongan dan motivasi kepada keluarga dan cucu saya untuk terus berjaya dalam hidup. Untuk mengubah nasib diri dan keluarga, cara yang terbaik adalah melalui pendidikan", katanya.

Beliau juga menyarankan agar generasi muda masa kini mengambil peluang yang sedia ada untuk menyambung pelajaran kerana pelbagai medium boleh digunakan untuk belajar.

"Ambil peluang yang sedia ada untuk meneruskan pelajaran. Jika dahulu, hanya beberapa buah universiti sahaja yang ada di Malaysia, tetapi kini sudah banyak yang dibangunkan. Jangan jadi seperti pak cik, sudah berusia 66 tahun baru hendak menyambung pelajaran. Selagi masih muda dan kuat, gunakanlah kudrat yang ada untuk menerokai pelbagi bidang ilmu", tegas Johari.

Saya berharap agar dengan kejayaan saya ini mampu memberikan semangat, dorongan dan motivasi kepada keluarga dan cucu saya untuk terus berjaya dalam hidup. Untuk mengubah nasib diri dan keluarga, cara yang terbaik adalah melalui pendidikan.

Canselor: Bilangan siswazah bukan pengukur kejayaan

Bilangan siswazah tidak harus dijadikan satu-satunya kayu pengukur bagi kejayaan sesebuah universiti dan harus mengambil kira sumbangan siswazah kepada masyarakat dan negara, titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor, Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail semasa Upacara Konvokesyen Ke-5 Universiti Sains Malaysia (USM).

"Bilangan yang besar bukanlah satu-satunya ukuran sebenar kejayaan yang kita capai, tetapi bergantung juga kepada sejauh mana sumbangan kita kepada masyarakat dan negara", titah Baginda.

Baginda bertitah, kejayaan universiti harus dilihat pada kemampuan untuk menghasilkan siswazah yang dapat memimpin masyarakat melalui pelbagai organisasi, institusi, korporat malah satu dunia.

"Kejayaan juga diukur dari sejauh mana keupayaan para siswazah untuk menjadi seorang yang benar-benar menzahirkan makna 'Kami Memimpin' di mana sahaja mereka berada termasuk dalam keluarga dan masyarakat", titah Baginda.

Baginda juga berharap agar siswa-siswi untuk terus mendukung motto USM berdasarkan nilai-nilai hidup yang tinggi melalui pegangan agama, kebijaksanaan dalam membuat keputusan dan mempunyai mental yang kuat dalam menghadapi cabaran kehidupan.

Selain itu, Baginda juga telah memuji penglibatan USM dalam misi kesukarelawan bagi membantu mangsa bencana alam yang berlaku pada akhir tahun lepas.

"Ini adalah contoh sebenar kita menjadi pemimpin yang memimpin untuk masyarakat dan mereka yang memerlukan khidmat bakti kita", titah Baginda.

Sementara itu, antara penerima Ijazah Doktor Falsafah (PhD) pada upacara konvokesyen pada kali ini ialah Ketua Eksekutif Malaysian Press Institute (MPI), Datuk Chamil Wariya.

Seramai 1130 siswazah telah bergraduasi dalam Upacara Konvokesyen Ke-51 USM yang berlangsung pada 25 and 26 April di Dewan Tuanku Syed Putra, Universiti Sains Malaysia.



Kejayaan juga diukur dari sejauh mana keupayaan para siswazah untuk menjadi seorang yang benar-benar menzahirkan makna 'Kami Memimpin'.

Tuanku Canselor, Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail bertitah dalam Upacara Konvokesyen Ke-51 Universiti Sains Malaysia yang berlangsung di Dewan Tuanku Syed Putra pada 25-26 April 2015.

Pro Canselor: Bangga jadi komuniti ilmuan

Alumni Universiti Sains Malaysia (USM) menjadi sebahagian daripada komuniti ilmuan, terpelajar dan mempunyai pemikiran besar untuk disumbangkan kepada masyarakat, negara dan dunia pada masa akan datang.

Demikian ucapan Pro Canselor USM, Tan Sri Datuk Mustafa Mansur pada Sidang Kedua upacara Konvokesyen ke-51.

"USM menyediakan ruang untuk siswa-siswinya meneroka kemampuan dan kebolehan diri sejauh yang mungkin, membuat kajian dan penyelidikan. Tahu membezakan antara emosi sendiri dengan keperluan profesional serta meletakkan kepentingan masyarakat mengatasi kepentingan diri", katanya.

"USM sentiasa mendorong warganya untuk berpegang teguh kepada motto Kami Memimpin dan semangat Apex: Memacu Kecemerlangan sebagai teras utama tindakan pada masa hadapan seterusnya memacu kecemerlangan untuk mendapat keredhaan Tuhan dunia dan akhirat", ucapnya lagi.

"Siswa-siswi juga dididik erti bekerja dalam pasukan, memperkasa kepimpinan dan faham erti pengupayaan dalam melaksanakan tugas dalam kehidupan. Erti kasih sayang dan pentingnya semangat pengorbanan, menghormati kepelbagaian, nilai-nilai universal dalam menyesuaikan diri dengan budaya dan masyarakat yang berbeza", tambahnya.

"Saya percaya nilai-nilai ini yang perlu dibawa sebagai pemimpin dalam mewujudkan kesejahteraan, kebahagian dan ketenangan hidup, diri serta persekitaran di sahaja mana kita berada", jelasnya.

Sebelum itu, Mustafa Mansur menyampaikan ijazah tinggi kepada 506 graduan.

Naib Canselor: Graduan USM perintis teladan masyarakat

Graduan Universiti Sains Malaysia (USM) harus memainkan peranan penting dalam menjadi contoh teladan kepada masyarakat. Demikian ucapan Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr Omar Osman pada sidang pertama upacara Konvokesyen ke-51 USM yang diadakan pada 25 hingga 26 April di Dewan Tuanku Putra Syed Putra (DTSP).

Menurut Prof Omar, para graduan harus menjadi seorang berilmu dan berpendidikan tinggi di samping mampu melihat jauh ke hadapan. Tambah beliau, generasi sekarang menghadapi pelbagai cabaran tidak seperti generasi dahulu.

"Dunia tanpa sempadan secara tidak langsung mengubah corak pembelajaran, pendidikan, pemikiran, dan pengaliran maklumat yang pantas menjadikan dahulunya dianggap canggih kini semakin kurang relevan dengan masyarakat sekarang. Konsep perhubungan antara bidang sosio-politik dan ekonomi banyak menentukan corak kehidupan masyarakat kini dan masa hadapan", tambah beliau.

Prof Omar turut menekankan gaya hidup yang pantas jika tidak disedari akan menyebabkan graduan jauh ketinggalan terutamanya pertambahan golongan pemikir-pemikir sama ada dari pandangan manusia ataupun maklumat yang boleh diakses secara atas talian.

"Banyak nilai manusia yang perlu dipertahankan dalam memastikan kualiti hidup yang lestari dan mapan dan berada di tahap yang sepatutnya. Ia menjadi cabaran kepada universiti agar terus menjadi menara ilmu yang dapat melahirkan graduan seimbang dan sedar terhadap peranannya di masa hadapan", katanya.

Selain itu, beliau turut berharap graduan yang dihasilkan mampu memberi pandangan dan sumbangan kepada pembangunan universiti. USM juga bakal menubuhkan Idea Bank@ USM untuk mendapatkan idea yang inovatif dari graduan USM untuk memberikan semangat dan panduan pada masa hadapan untuk membangunkan pendidikan universiti.

Sebanyak tiga sidang dilangsungkan pada upacara Konvokesyen ke-51 iaitu sidang pertama dan kedua pada 25 April dan sidang ketiga pada 26 April. Seramai 1131 graduan USM terdiri daripada 768 penerima ijazah tinggi dan 363 penerima ijazah pertama menerima ijazah mereka pada upacara konvokesyen kali ini.

Banyak nilai manusia yang perlu dipertahankan dalam memastikan kualiti hidup yang lestari dan mapan dan berada di tahap yang sepatutnya.





[KIRI] Chalet di bawah pengurusan Persatuan Nelayan Pulau Aman yang menelan belanja RM200,000 hanya dibiarkan terbengkalai tanpa penyelenggaraan menjejaskan kemudahan pengunjung yang datang.
[TENGAH] Kawasan belakang rumah penduduk dijadikan sebagai tempat pembuangan sampah yang tidak terurus.
[KANAN] Papan tanda amaran 'Dilarang membuang sampah' tidak diendahkan oleh masyarakat.

Pulau Aman semakin hilang 'keamanannya'

Pulau Aman merupakan sebuah lokasi perkampungan nelayan Melayu tradisional yang terletak kira-kira 16 batu nautika dari tanah besar Daerah Seberang Perai. Dari Jeti Pulau Aman, ia mengambil masa selama hampir 10 minit untuk sampai ke Pulau Aman dengan menaiki bot tambang.

Pulau yang berkeluasan 128 hektar ini didiami oleh 25 buah keluarga yang rata-ratanya bekerja sebagai nelayan untuk menampung kehidupan seharian mereka. Sesuai dengan namanya, suasana di pulau ini sangat tenang kerana berada jauh dari hiruk-pikuk kesibukan di Bandar dan kebanyakan penduduk hanya berjalan kaki. Ini menjadi salah satu tarikan kepada para pengunjung untuk merasai kelainan daripada kehidupan di bandar.

Namun, kini tahap kebersihan di kawasan Pulau Aman menjadi semakin pudar dari hari ke hari, berikutan beberapa faktor yang mendorong kepada berlakunya pencemaran. Antaranya, sikap masyarakat setempat itu sendiri, proses pembangunan dan juga sistem pengurusan kebersihan di kampung tersebut.

Perkara ini telah disahkan oleh beberapa penduduk kampung sendiri yang turut melahirkan rasa kecewa dengan hal yang berlaku. Sikap masyarakat setempat merupakan salah satu penyebab kepada pencemaran yang sedang dihadapi di pulau ini. Menurut Ketua Kampung Pulau Aman, Sanusi Ismail 51, hal ini berlaku disebabkan kurangnya kesedaran dalam diri mereka sendiri.

"Isu kebersihan khususnya di kawasan kediaman merupakan tanggungjawab seluruh penduduk kampung. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan kepada mereka yang tidak prihatin akan kebersihan kawasan kediaman", jelasnya.

"Bukan saya tidak pernah mengambil tindakan. Malah, saya telah mengambil insiatif dengan menjalankan aktiviti gotong-royong dan mengadakan kempen kebersihan bagi menimbulkan kesedaran kepada mereka. Namun, sambutan yang diterima daripada penduduk kurang menggalakkan", kata beliau lagi.

Tinjauan yang dilakukan Berita Kampus selama dua hari satu malam di sana memperkukuhkan lagi kenyataan beliau. Kelihatan beberapa kawasan tumpuan pelancong yang tidak dijaga dengan baik, seperti Telaga Emas yang dahulunya sering menjadi tumpuan ramai.

Apabila melihat ke dalam telaga tersebut, kelihatan airnya yang keruh dan kehijauan kerana terdapat lumut yang banyak di sekeliling serta kawasan dasarnya. Tambahan lagi terdapat plastik, puntung rokok, dan bekas minuman yang dibuang ke dalam telaga tersebut. Ini boleh menggugat keunikan Telaga Emas itu sendiri yang mempunyai air tawar meskipun berhampiran laut.

Kawasan belukar dan semak samun juga kelihatan di sekitar kawasan rumah penduduk. Longgokan barang buangan seperti kayu lebihan binaan, basikal lama, tin kosong, sisa makanan dan juga timbunan daun kering dibiarkan begitu sahaja. Selain itu sampah yang terdapat di kawasan pantai juga turut menyakitkan pandangan mata mereka yang melihatnya.

Hal ini secara tidak langsung menyebabkan pengunjung luar mempunyai tanggapan negatif terhadap perkampungan nelayan tradisional Melayu di Pulau Aman yang selama ini diuar-uarkan sebagai tempat yang menarik.

Menurut Sanusi, sikap sesetengah penduduk ini menyebabkan terdapat aduan yang dibuat oleh pelancong berkenaan kebersihan dipulau tersebut kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Rentetan daripada hal tersebut, MPSP telah menghantar pegawai mereka bagi memantau kebersihan di pulau itu.

Bukan sahaja sikap masyarakat, proses pembinaan Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah juga telah menyebabkan pencemaran air laut yang berhampiran dengan Pulau Aman. Menurut Fatimah, 53 pemilik Restoran Mee Udang yang popular di Pulau Aman, banyak perubahan telah berlaku sejak pembinaan tersebut dijalankan pada Januari 2008. Hal ini memberi impak kepada perniagaan yang dijalankannya kerana purata pelanggan yang datang ke restorannya sebelum ini kira-kira 80 hingga 100 orang sebulan. Namun, keadaan kini jauh berbeza, di mana hanya sekitar 50 pelancong sebulan datang untuk menikmati mee udang yang terkenal di Pulau Aman.

Selain itu, tangkapan udang yang merupakan bahan utama dalam pembuatan belacan juga hampir tiada, sehingga menyebabkan penduduk setempat terpaksa menghentikan pembuatan belacan mereka. Saadiah Ismail, 58, salah seorang pengusaha perniagaan belacan di situ menyatakan bahawa kini bekalan belacan yang ada merupakan yang akhir dan juga sebagai simpanan untuk mereka sendiri.

"Kini udang halus yang biasa digunakan untuk membuat belacan telah berkurangan. Hal ini menyebabkan kesukaran untuk membuat belacan yang 90 peratus berasaskan udang tanpa campuran dari belacan luar. Disebabkan itu saya sendiri sudah tidak membuat belacan lagi malah hanya simpan untuk kegunaan sendiri sahaja", terangnya.

Isu pencemaran ini bertambah rumit apabila sistem pengurusan kebersihan di pulau tersebut mengalami konflik. Faktor ini dikaitkan dengan pertindihan kuasa dalam pentadbiran yang berlaku seterusnya menyukarkan pembahagian tugas kepada penduduk.

Menurut Sanusi, beliau sukar untuk mengarah pekerja pembersihan JKKK Persekutuan untuk membersihkan selain daripada tempat pelancongan seperti Telaga Emas, laluan pejalan kaki dan juga sekitar kawasan jungle trecking.

"Agak sukar untuk mengeluarkan arahan mengenai kebersihan dan pentadbiran di sini kerana terdapat dua ketua di bawah dua pentadbiran yang berbeza iaitu kerajaan Negeri dan Persekutuan. Hal ini kerana perubahan pucuk pimpinan yang berlaku antara kerajaan Negeri dan Persekutuan dan mereka meletakkan kedua-dua wakil di pulau ini. Terdapat juga penduduk kampung yang memihak kepada salah seorang daripada kami", terangnya lagi.

Sanusi menegaskan bahawa bagi mengambil jalan terbaik, beliau tidak akan campur tangan mengenai perkara di bawah pantauan ketua dari JKKK Pusat. Contohnya mengenai hal pengambilan pekerja dalam kalangan penduduk kampung sendiri untuk memastikan kebersihan pulau tersebut.

Namun, kebanyakan pekerja yang terdiri daripada golongan ibu tunggal juga bersikap sambil lewa dalam menjalankan tugas. Mereka hanya melakukan tugasan yang sepatutnya dilakukan oleh mereka seperti menyapu sampah, mengumpul daun kering dan sebagainya. Nah Ahmad 62, salah seorang penduduk lama di sana, berkata penduduk yang bekerja dengan JKKK hanya melakukan tugas yang telah diarahkan kepada mereka. Oleh itu penduduk kampung seharusnya peka terhadap kebersihan sekitar kawasan rumah mereka sendiri tanpa mengharapkan pekerja JKKK untuk menguruskannya.





[BAWAH]
Beting pasir yang menjadi tumpuan pengunjung yang datang ke Pulau Aman untuk bergambar dan juga memancing.



Kampung nelayan Melayu tradisional unik

Semasa perang antara Kedah dan Siam pada tahun 1783, Tunku Dhiauddin Sultan Zainal Rashid yang digelar Tengku kudin yang merupakan anak kepada sultan Kedah telah menjadikan Pulau Aman sebagai tempat persembunyian mereka. Hal ini berikutan kekalahan yang dialami Kedah dalam peperangan tersebut. Peristiwa ini telah menjadikan Pulau tersebut sebuah perkampungan hingga kini.

Selain sejarah pembentukan perkampungan tersebut, Pulau Aman juga telah menarik perhatian pelancong dengan keunikan Telaga Emas yang ditemui pada tahun 1789. Menurut bekas Jawatankuasa Kuasa Ketua Kampung dan Keselamatan Negeri (JKKKN), Haji Yaakob Ismail, pemerintah British telah mengarahkan penggalian dilakukan sehingga mencapai kedalam 2.5 meter apabila mengetahui apabila salah seorang penduduk kampung menemui seketul batu emas. Kerja-kerja penggalian tersebut membentuk sebuah telaga yang mana airnya tetap air tawar walaupun bercantum dengan air laut berikutan lokasinya di tepi laut dan kemudiannya tempat tersebut dinamakan sebagai Telaga Emas.

Pulau Aman juga terkenal dengan kekayaan hasil laut yang mana ia juga mempunyai banyak tempat yang menjadi lubuk ikan. Lubuk ikan tersebut dianggarkan berada 100 meter daripada jambatan kedua Pulau Pinang (Sultan Abdul Halim Muadzam Shah). Dalam masa yang sama, terdapat pakej khas untuk kaki pancing. Dalam pakej tersebut, harga yang dikenakan adalah sebanyak RM200 hingga RM400 untuk pemancing seramai 10 hingga 14 orang dan mereka akan dibawa ke sekitar perairan Pulau Aman termasuk Pulau Gedung.

Dengan kekayaan hasil laut ini juga menjadikan majoriti penduduk Pulau Aman bekerja sebagai nelayan. Oleh yang demikian, hasil tangkapan yang diperolehi dapat menyumbangkan kepada ekonomi penduduk setempat. Dalam masa yang sama, hasil tersebut secara tidak langsung dapat membangunkan aktiviti Industri Kecil dan Sederhana (IKS) seperti pembuatan belacan dan kuih kapit.

Selain menyumbang kepada IKS, Persatuan Nelayan telah mengambil keuntungan tersebut bagi sumbangan kepada kebajikan penduduk seperti persekolahan, bantuan rumah dan sebagainya. Sebagai contoh, Adam Said, 55 yang merupakan salah seorang penduduk kampung mengatakan bahawa beliau pernah menerima bantuan bagi membaiki rumahnya sebanyak RM10 ribu. Keadaan ini menunjukkan manfaat yang diterima oleh penduduk kampung dari hasil nelayan.

Sumbangan yang diterima oleh penduduk kampung Pulau Aman juga diperolehi daripada beberapa pertandingan yang disertai seperti pertandingan kebersihan kampung pada sebelum tahun 2008. Pertandingan tersebut pernah dimenangi pada peringkat negeri. Hasil daripada pertandingan tersebut, penduduk dapat merasai keuntungannya melalui sumbangan pembinaan Jeti dari Pulau Aman ke jeti Batu Kawan yang memakan kos RM1.5 juta. Pembinaan tersebut dapat mempercepatkan perjalanan mereka untuk berulang-alik.

Pulau Aman juga dilihat keunikannya dari segi semangat kekitaan yang ditunjukkan oleh penduduknya sendiri. Hal ini jelas dilihat apabila bekas JKKKN mengatakan bahawa tiada sebarang kes kecurian yang berlaku di kampung tersebut ekoran pertalian hubungan mereka yang rapat.

Sumbangan yang diterima oleh penduduk kampung Pulau Aman juga diperolehi daripada beberapa pertandingan yang disertai seperti pertandingan kebersihan kampung pada sebelum tahun 2008. Pertandingan tersebut pernah dimenangi pada peringkat negeri. Hasil daripada pertandingan tersebut, penduduk dapat merasai keuntungannya melalui sumbangan pembinaan Jeti dari Pulau Aman ke jeti Batu Kawan yang memakan kos RM1.5 juta. Pembinaan tersebut dapat mempercepatkan perjalanan mereka untuk berulang-alik.

Mereka juga seringkali mengadakan aktiviti gotong-royong yang mengukuhkan lagi persaudaraan mereka. Antara aktiviti tersebut adalah seperti mereka akan bekerjasama apabila ada majlis keramaian. Dalam masa yang sama, bekas JKKKN ada mengatakan majlis tersebut mendapat perhatian pengunjung luar apabila hidangan masakan yang mereka sediakan agak berbeza berbanding kenduri di tempat lain seperti mereka menggunakan hasil laut seperti ikan sebagai hidangan utama.

Pencemaran semakin mencengkam

Sungguhpun penduduk sekitar Batu Maung secara amnya mendapat manfaat daripada pembinaan jambatan kedua Pulau Pinang (Sultan Abdul Halim Muadzam Shah), namun penduduk Pulau Aman menerima impak yang sebaliknya iaitu pencemaran air laut. Kualiti air yang terjejas akibat pembinaan tersebut menyebabkan air diselaputi banyak keladak.

Menurut Bekas JKKK, Haji Yaakob Talib, 70, tangkapan nelayan berkurangan sejak bermulanya pembinaan jambatan kedua Pulau Pinang. Hal ini berikutan bunyi kuat semasa pembinaan tersebut dijalankan menyebabkan banyak hidupan laut, terutamanya ikan telah berpindah ke kawasan lain.

"Arus yang membawa keladak dari pembinaan tersebut turut mengakibatkan ternakan kerang banyak mati. Terdapat pengusaha ternakan kerang terpaksa mengalihkan sangkar mereka ke kawasan yang lain, namun aktiviti ternakan tersebut tetap tidak dapat dilakukan kerana hampir keseluruhan persisiran pantai di sekitar Pulau Aman telah tercemar", jelas Haji Yaakob.

Keadaan ini sekali gus memperlihatkan bahawa berlakunya pemusnahan ekosistem hidupan laut yang mendatangkan impak kepada aktiviti ekonomi penduduk pulau tersebut, khususnya golongan nelayan. Oleh kerana punca pencarian mata rezeki mereka banyak bergantung kepada hasil tangkapan laut, pencemaran yang berlaku amat menjejaskan kehidupan mereka bagi menampung kos perbelanjaan seperti membeli barangan keperluan, pembiayaan pendidikan anak-anak, dan sebagainya.

Selain bekerja sebagai nelayan, penduduk Pulau Aman juga melibatkan diri dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS) seperti pembuatan belacan. Penghasilan produk makanan berkenaan banyak berasaskan sumber laut. Malangnya, kekurangan hasil laut yang diperoleh daripada nelayan menyebabkan pengusaha terpaksa mengecilkan saiz penjualan. Oleh itu, terdapat juga penduduk melakukan kerja sambilan di hujung minggu seperti membuka gerai cenderamata, pembuatan kuih kapit, menjual ice-blended dan penjualan sukun ketika musimnya tiba.

Sungguhpun begitu, kebajikan penduduk Pulau Aman sebenarnya seringkali dibantu oleh Persatuan Nelayan Seberang Perai. Antara bantuan yang telah disalurkan adalah berbentuk kebajikan seperti membaiki rumah dan barangan persekolahan pelajar. Bantuan tersebut adalah hasil daripada kutipan bayaran perkhidmatan bot penumpang yang berulang-alik dari jeti Pulau Aman ke seberang tanah besar. Jumlah kutipan tersebut adalah sebanyak RM20 ribu hingga RM40 ribu sebulan yang mana tidak termasuk kos penyelenggaraan bot yang memakan belanja RM3 ribu sebulan.

Bukan itu sahaja, penduduk kampung tersebut telah menubuhkan jawatankuasa koperasi bagi menjana ekonomi penduduk tempatan di samping menjaga kebajikan bekas-bekas nelayan, terutamanya golongan tua. Penubuhan ini telah membolehkan pembinaan chalet yang menelan kos RM600 ribu yang mana pendapatannya boleh dianggarkan sebanyak RM1 ribu seminggu.

Namun begitu, konflik dalaman pentabiran iaitu pertindihan kuasa politik antara Jawatankuasa Ketua Kampung dan Keselamatan Negeri (JKKKN) dan Jawatankuasa Ketua Kampung dan Keselamatan Pusat (JKKKP) yang berlaku mengakibatkan pengurusan menjadi tidak sistematik. Keadaan ini menyebabkan pengurusan dan penyelenggaraan kemudahan yang ada di Pulau Aman tergendala dan tidak terurus. Antara kemudahan yang terdapat di Pulau Aman adalah seperti kawasan perkhemahan dan trek jungle-trekking.

Apabila kemudahan tersebut tidak dijaga dan ditambah pula dengan keadaan persekitaran Pulau Aman yang sudah tercemar, ia mendatangkan persepsi negatif terhadap pelancong yang datang. Sebagai contoh, dahulu Pulau Aman seringkali menjadi tempat tarikan pemancing dari luar kerana kawasan tersebut menjadi lubuk ikan. Namun begitu, kedatangan pemancing semakin berkurangan sejak berlakunya pencemaran kerana kurangnya ikan di kawasan tersebut.

Selain itu, penyelenggaran di tempat-tempat bersejarah yang menjadi tumpuan pelancong juga terbiar. Antaranya adalah seperti telaga emas, kubu perang, dan kubur purba. Menurut bekas JKKKN, Haji Yaakob berkata pembersihan di tempat berkenaan adalah dilakukan secara sukarela. Sebelum ini, beliau yang selalu membersihkannya, namun kini beliau tidak dapat melakukannya lagi berikutan faktor kesihatan yang tidak mengizinkan.

Tambahan pula, penghijrahan golongan muda ke bandar yang mana mereka tidak lagi berminat melakukan kerja-kerja nelayan telah menyebabkan hanya golongan tua yang tinggal. Golongan tua ini tidak berupaya untuk melakukan kerja-kerja pembersihan dan penjagaan tempat tersebut atas faktor kesihatan. Hal ini demikian kerana jarak tempat tersebut dari kawasan penempatan memerlukan mereka berjalan kaki lebih kurang 15 minit dan ditambah pula lantai tanahnya yang berbukit.

Secara ringkasnya, kekayaan hasil laut di Pulau Aman yang sebelumnya seringkali meniti di bibir masyarakat kian lenyap akibat daripada aktiviti pembangunan berhampiran pulau tersebut dan sikap penduduk kampung. Keadaan ini memberi impak yang besar dalam sektor pelancongan dan ekonomi penduduk sekitar sekiranya ia berterusan berlaku. Di sini, betapa pentingnya kesedaran manusia terhadap kepentingan biodiversiti terhadap kehidupan manusia.

Tumpahnya darah demi kebajikan pekerja

Oleh **NG XIANG YI**

Permulaan bulan Mei tahun ini boleh dikatakan satu waktu yang dinanti-nantikan bagi golongan pekerja dan pelajar. Disebabkan Hari Pekerja, 1 Mei jatuh pada hari Jumaat dan Hari Wesak, 3 Mei jatuh pada hari Ahad, kita dapat menikmati cuti pendek selama empat hari berturut-turut kerana Isnin, 4 Mei adalah hari cuti ganti bagi hari Wesak. Pastinya ramai orang akan mengambil kesempatan ini untuk berehat dan bersiar-siar bersama keluarga. Bagi siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) pula, ini adalah peluang keemasan untuk pulang ke rumah kesayangan sendiri kerana tiada cuti pertengahan semester pada kali ini.

Namun pada saat gembira menunggu cuti, pernahkah anda terfikir kenapa ada cuti khas disediakan untuk pekerja? Apa pula kaitannya dengan pelajar yang belum bekerja lagi?

1 Mei, Hari Pekerja atau Hari Buruh, turut dikenali sebagai Hari Pekerja Antarabangsa. Hari ini dikhaskan untuk memperingati keberanian dan pengorbanan kelas proletariat (golongan kelas pekerja dalam istilah Marxis) dalam usaha memperjuangkan kebajikan pekerja dan menolak pengeksploitasian kelas kapitalis. Tanpa perjuangan dan pergelutan yang berlaku pada tahun 1880-an, kita mungkin masih terperangkap dengan masa kerja selama 10 ke 16 jam sehari sehingga kini.

MASA KERJA 8 JAM DIPERJUANG DENGAN DARAH

Revolusi perindustrian berlaku pada akhir abad ke-18 dan awal abad ke-19,. Zaman itu boleh dikatakan adalah peringkat permulaan berkembangnya ideologi kapitalis perindustrian. Dari penghasilan produk oleh tenaga manusia bertukar kepada penggunaan mesin, kilang-kilang besar didirikan untuk meningkatkan keberkesanan penghasilan produk dan menjimatkan tenaga buruh. Revolusi ini telah mengubah cara hidup dan budaya kerja masyarakat pada masa itu. Demi memaksimakan keuntungan, buruh kilang perlu menghabiskan masa 10 hingga 16 jam sehari di kilang dengan mengulangi beban kerja yang sama. Pada pandangan Karl Marx dalam Das Kapital, "Dengan memanjangkan masa bekerja, pengeluaran kapitalis bukan sahaja merosotkan kuasa tenaga pekerja dalam keadaan moral dan fizikal, tetapi juga akan membawa kepada keletihan yang keterlaluan dan menyebabkan kematian tenaga buruh itu sendiri".

Maka, suara-suara menentang penaklukan kuasa kapitalis semakin kuat didengari pada sekitar tahun 1800-an. Ia bermula dengan Robert Owen, aktivis sosial Welsh telah mengemukakan tuntutan masa kerja yang munasabah bagi kelas proletariat dengan slogan "Lapan jam bekerja, lapan jam rekreasi, lapan jam rehat" diperkenalkan bagi memperjuangkan tuntutan kebajikan buruh pada tahun 1817.

Edo Period in the flesh

By **MICHELE NG HENG KIM**

In an island up north of the Land of Rising Sun, Hokkaido, there lies one particular historical theme park. Noboribetsu Date Jidaimura is its name. Unlike the typical theme parks with rides of varying degrees of danger, this theme park transcends culture and time. If you want to experience the Edo Period, dated back from 1603 to 1867, here is the perfect spot! Japan then was under the Tokugawa shogunate. Business, art and entertainment flourished vigorously making it one of the biggest cities in the world at that time.

The striking red Otemon gate welcomes any tourist into the historical theme park. The gate itself intrigue tourist to take photographs here. Why is it so? On both sides of the entrance are two ferocious, tough looking samurai warriors. For those who know Japan's history well, you will not fail to notice the signature crescent-moon bearing helmet upon the head of the warrior wearing an eye patch. It is none other than Date Masamune, one of the feudal warlords of Edo Period.

Once you pass the gate, you find yourself transported back to the Edo Period of Japan. The rows of traditional merchant houses called machiya are endless on both side of the Merchant's Lane. Upon closer look, the roofs are made from tiles while the wall is plaster. Overlooking these houses is a fire watchtower which loomed watchfully. Occasionally, 'villagers' could be seen around the theme park in traditional Japanese costumes. It felt as if the scene from the film, 47 Ronin is brought to life and you are living it!

As you walk along Merchant's Lane, admiring the rustic and scenic view of the traditional Edo Period, a large lotus pond called Matsuga Pond could be seen. In the middle of the pond is a tiny little island with a gazebo connected to the road by a red bridge. Along the bridge, ancient, wooden Japanese lamps could be seen. At the end of the road after the pond, there stood a machiya that seem out of place, disconnected from the rest of the houses.

To add to the oddity of the house is the fact that it is the one of the few houses which has its own gate and compound. Moreover, the sight of a man in striking yellow and purple kimono with traditional chonmage haircut bobbing up and down in the entrance is truly a sight. He is in fact a she who is cross-dressing as you draw closer. Her high-pitched voice and noticeable facial expression showed her excitement in tourists' arrival as she said "Oiran Show, Oiran Show" while waving them inside. Just like the other tourists, I found myself drawn towards her bobbing self and shrill voice.

Just as you enter the traditional Japanese house, another girl in bright red kimono is passing out laminated A4 papers from two different boxes. As you approach her, she will only utter two simple words, "English?" and "Chinese?", asking the language you are literate in before deciding which A4 paper to give you. Along with the laminated paper is an origami sized white paper. Without knowing what paper is it, I excitingly replied "English!". Once she was satisfied that I have received both papers, she guided me towards another room.

In what seemed like a simple theatre, there lies a small stage in the middle of the room with its curtain closed. At both side of the room is a wooden engawa (Japanese veranda) slightly elevated from the open space in the middle of the room. Crowd began rustling in, squeezing themselves in every possible, available spot in order to watch the show. A slow themed Japanese song could be heard serenading the crowd as I pushed my way to sit upon the engawa, in hope of experiencing more Japanese culture first-hand.

A moment later, the song stopped and the stage curtain opened revealing a beautiful lady with a large ornate brocade obi tied in front of her gorgeous red kimono and gigantic hair ornament. She began addressing the crowd in Japanese. Buzz of excitement as well of confusion are rising among us. The curtain closed as she left the stage, leaving us more confused. I began looking around frenziedly,

Usaha mendapatkan layanan berpatutan bagi kelas proletariat diteruskan. Sehingga pada April 1886, beratus ribu buruh Amerika Syarikat telah menyertai kesatuan sekerja yang baru ditubuhkan, iaitu the Knights of Labour bagi menolak penindasan kuasa kapitalis ke atas mereka. Gerakan kesatuan sekerja bertumpu di Chicago pada masa itu. International Working Men's Association yang juga dikenali sebagai the First International telah mengetuai gerakan tersebut bagi mencapai revolusi kelas pekerja di mana tuntutan waktu masa kerja lapan jam sehari telah diperjuang berbulan-bulan. Pada hari sebelum 1 Mei, seramai 50,000 buruh telah bersedia untuk mogok. Pada keesokan harinya, 30,000 orang buruh hadir untuk memperkuatkan barisan gerakan tersebut lagi. Hal ini telah menyebabkan kebanyakan kilang-kilang dan pengeluaran di Chicago terpaksa berhenti kerana pekerja telah turun ke jalanan untuk menuntut penggunaan sejagat mereka iaitu masa kerja lapan jam.

PERISTIWA HAYMARKET

Walau bagaimanapun, perjuangan tersebut tidak begitu lancar. Pada 3 Mei, pihak polis menembak ke arah kumpulan pemogok di Chicago. Empat orang mati dan ramai yang cedera. Kemarahan masyarakat terus bangkit kerana tindakan pihak polis yang tidak berperikemanusiaan. Berikutan itu, satu protes dan demonstarsi yang besar berlaku pada keesokan petang di Haymarket Square yang diketuai oleh kumpulan anarki, August Spies (editor akhbar pekerja, Arbeiter-Zeitung) dan Albert Parsons.

Perhimpunan itu dijalankan tanpa halangan. Hujan lebat yang turun pada masa itu telah menyuraikan orang ramai. Hanya beberapa ratus orang yang bertahan semasa pengucap terakhir berucap. Namun pada masa itu, seramai 180 orang polis berarak ke dataran tersebut. Perhimpunan tersebut diarah bersurai. Tiba-tiba satu bom dilempar ke arah polis menyebabkan tujuh kematian dan mencederakan 17 orang lagi. Pihak polis pula menembak balik ke arah orang ramai. Anggaran tujuh hingga lapan orang pekerja terbunuh dan ramai yang cedera dalam kejadian itu.

Namun, tumpahan darah itu belum menghasilkan buah lagi. Selepas kejadian tersebut, lapan orang anarkis disabit atas konspirasi namun orang yang melempar bom masih tidak dapat dikenalpasti. Tujuh daripada mereka dihukum mati manakala seorang lagi dipenjara selama 15 tahun.

TUNTUTAN PEKERJA DIIKTIRAF

Pada tahun 1889, kongres kali pertama telah diadakan oleh the Second International di Paris diikuti dengan proposal Raymond Lavigne memanggil untuk demonstrasi antarabangsa pada ulang tahun 1890 protes Chicago.

Pada 1 Mei akhirnya diisytiharkan sebagai sebagai hari cuti pekerja antarabangsa dalam aktiviti tahunan kongres kedua the Second International bagi memperingati mangsa-mangsa dalam peristiwa Haymarket. Bendera merah pula menjadi lambang darah kelas proletariat dalam perjuangan untuk hak-hak pekerja.

Pada tahun 1900, The Building Trades Council (BTC) San Francisco mengumumkan bahawa ahlinya hanya akan bekerja lapan jam sehari secara unilateral. Pelbagai rundingan diadakan dengan lain-lain majikan apabila BTC mendapatkan hak kerja masa lapan jam. Jika tiada persetujuan daripada majikan tersebut, BTC akan mengumpulkan pekerja kilang sebagai bantahan atas tindakan majikan tersebut. Majikan yang tidak ingin bekerjasama akan diboikot oleh pekerjanya sendiri.

Walau bagaimanapun, tuntutan pekerja baru diterima secara rasmi pada tahun 1916 di Amerika Syarikat. Undang-undang persekutuan Adamson Act telah mencatatkan sejarah ini. Pekerja hanya boleh bekerja selama lapan jam sehari dan tidak melebihi 40 jam seminggu. Sebarang waktu kerja yang melebihi masa, pekerja tersebut akan dibayar gaji lebih. Semenjak itu, perundangan tersebut dipakai secara meluas di seluruh dunia bagi melindungi hak pekerja.

Sedar tak sedar hak dan kebajikan yang dinikmati oleh kita hari ini sebenarnya telah diperjuangkan lebih dari satu abad untuk mencapainya. Sistem waktu kerja dan piawaian bayaran gaji munasabah yang diiktiraf oleh seluruh dunia bukan sesuatu yang jatuh dari langit. Gaji yang diperoleh, jaminan kualiti kehidupan yang terlindungi dari waktu kerja panjang sebenarnya dituntut dengan darah, keberanian dan semangat juang orang-orang dulu.

KEBAJIKAN PEKERJA DIPERJUANG

Dalam konteks Malaysia pula, Hari Pekerja diisytiharkan sebagai hari cuti umum pada tahun 1972 oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Dr. Ismail Abdul Rahman.

Bagi menyambut hari yang bersejarah ini, himpunan turut diadakan oleh sesetengah pihak seperti Parti Sosialis Malaysia (PSM) dan badan bukan kerajaan (NGO) yang lain untuk memperingati perjuangan pekerja dahulu dan menyuarakan pendapat golongan pekerja sekarang.

Pada tahun 1990-an, tema-tema Hari Pekerja lebih tertumpu kepada isu pekerja ladang seperti "Gaji bulanan untuk Pekerja Ladang" pada tahun 1996. Selepas krisis ekonomi berlaku, tema Hari Pekerja mula menumpu kepada skop ekonomi yang lebih besar.

Tema-tema seperti "Pembangunan Saksama untuk Semua" tahun 2001 dan "Perang Kapitalis, Pekerja Merana" tahun 2003, lebih mengkritik kepada polisi ekonomi dalam negara.

Kebelakangan ini pula, Hari Pekerja di Malaysia bukan hanya tertumpu kepada golongan buruh sahaja tetapi melibatkan seluruh lapisan masyarakat. Justeru, isu-isu seperti hak mengundi, gaji minima, dan isu cukai barangan dan perkhidmatan (GST) juga dilaungkan.

Setiap hak dan kebebasan yang dinikmati sekarang ada sejarahnya. Bak kata sejarawan terkenal China, Ch'ien Mu, "Bangsa yang melupa sejarah adalah bangsa yang tiada harapan; masyarakat yang mengabai sejarah juga adalah masyarakat yang tiada masa hadapan".

Dengan hanya memahami sejarah, barulah kita dapat menyambut hari-hari tertentu dengan penuh pemahaman bukan hanya untuk berseronok dan berbelanja sahaja.





[LEFT] Sendai Takao, the top ranking courtesan in the Red Light District, sitting gracefully while waiting to serve her lord, Date Masamune. [RIGHT] In the midst of committing seppuku, Ippachi with his chonmage haircut paused and smile widely for a photograph session bringing laughter to the crowd.

trying to get any tell-tale on what is going on. Has the show ended as soon as it started? No! It is all in the script.

Out came the women who cross-dressed introducing herself as Ippachi. "Thank god", I said as I breathed a sigh of relief, glad that it was not over. She began launching in a Japanese frenzy explanation about the theatre entitled 'Sendai Takao in Love'. At least that is what we will be able to grasp from her vivid hand gesture to the laminated A4 paper in our hand. I hungrily followed her every movement with my eyes in order to discern the situation. It turned out that that we will not be left dumbfounded as the paper is a simple script explaining the storyline.

As Ippachi continued her explanation, she revealed that the show is missing one leading character, the warlord, Date Masamune and will need a volunteer from the crowd. Surprisingly, despite the language barrier, we are able to understand her with just simple, broken English sentence "This show, one man, up on the stage". "Interesting", I told myself as I began searching around the room, trying to pin point the lucky man.

The Oiran Show is about an Oiran, Sendai Takao who is the top ranking courtesan in the famous red-light district, Yoshiwara and her lord, Date Masamune. As you might have guessed, the show is meant to be conducted solely in Japanese, and there are no translation provided! All the audience have as a guide is in the piece of script we received earlier. Hence, there was nothing to stop us from comprehending the dialogues spoken. Yet, I cannot stop the beating of my heart, the sweating of my palms as I nervously prayed it was that easy.

Continuing on from the search for a leading character, a fellow Malaysian stood up bravely and accepted the challenge. While he was undergoing his lordly transformation, Ippachi continued to guide and entertain the crowd. Although we could not understand more than half of what she is saying, we were still entertained by her animated and dramatic hand gesture and facial expressions that exceeds her petite size.

With traditional music in the background, the curtain opened revealing a warlord in a dark blue kimono with chonmage haircut sitting with Ippachi at his side. In the beginning, Lord Masamune need not do anything but enjoy the servitude of Sendai Takao. Occasionally, Ippachi will offer guidance on the proper way to smoke the pipe or hold the sake cup. And when needed, Ippachi will whisper dialogue to the lord who will then recite it.

However, the entertainment ended with the sudden arrival of a letter for Lord Masamune. Knowing that the lord has no knowledge of Japanese, Ippachi with grace, stood up and began reading snippets of the letter. Her exaggerated expressions accompanied the meaning of the letter. As the crowd watch her attentively, we noticed the wide smile on her face began to fade as she began paling and scrunching her eyebrows. She took a single look at us and did a simple hand gesture which meant "Dead". I held my breath for a moment realising the meaning behind the universal gesture. Everything seemed to come to a stop.

Breaking the silence with a sudden exclamation, she brought Lord Masamune to the centre of the stage to die honourably. At her request, they were provided with tanto (short blade) for the seppuku ritual. With all seriousness, Ippachi guided the lord on how to commit suicide. Just before committing the act, all the tension could be seen leaving Ippachi as she began smiling and gesturing the crowd for a photo. "Photo session", she said with a wide grin. The room was filled with laughter as the crowd was amused by her unforeseen attitude. I laughed as I find myself obliging to her request and many clicks could be heard resonating my own.

Then, the moment has come. Ippachi was about to help the lord die honourably when Sendai Takao suddenly stood up and said something in Japanese. Ippachi immediately launched into a frantic Japanese conversation with her hand pointing towards the letter then to the lord and lastly to the tanto. However, Sendai Takao seemed to fiercely disagree with Ippachi. The whole crowd held our breath as we were unsure where the conversation was going. I looked at the script in my hand in hope that it can help me understand the conversation but it was not mentioned! The script was a mere synopsis of the whole theatre. Ippachi suddenly bowed and apologised. Pushing the blades aside, Ippachi happily stood with his arms wide open and exclaimed "Happy ending!".

The crowd, myself included not truly apprehending the situation merely clapped in joy as Ippachi's excitement was contagious across the room. I felt a smile broke across my face as I clapped vigorously realising that all was well. Lord Masamune was back in his seat, happily watching Sendai Takao dancing gracefully as the curtain closed. And, Ippachi voice could be heard, thanking the crowd for their support. The curtain opened revealing the cast bowing in gratitude as many tiny, white looking objects began flying towards the stage. These white looking objects are actually Japanese coins wrapped in the origami sized white paper given at the entrance earlier. It is a simple symbol of gratitude towards the show.

With that, the crowd slowly dispersed and left fully satisfied as a 'fellow' Japanese of the Edo Period, contented that they had spent well on the admission fee of 2900 yen (approximately RM90).

Antibodi sintetik lawan virus JE

Oleh **NURUL KHAIRIAH MOHAMED YUSOF**

Kajian mengenai antibodi sintetik menjadi fokus utama dalam penyelidikan yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Perubatan Molekul (INFORMM), Universiti Sains Malaysia (USM) untuk mencari penawar bagi mencegah virus Japanese Encephalities (JE) yang mampu membawa maut jika tidak dikesan pada peringkat awal.

Menurut ketua penyelidik bidang antibodi sintetik di INFORMM, Dr Leow Chiuan Herng, kajian antibodi sintetik bermula pada tahun 2011 untuk melihat bagaimana virus tersebut bertindak menyerang sistem tubuh sehingga mampu membuatkan pesakitnya mengalami demam mendadak dan berterusan. Tambahnya lagi, virus ini dihasilkan oleh khinzir dan dipindahkan kepada spesies nyamuk Culex yang menghisap darahnya. Apabila nyamuk ini hinggap dan menghisap darah manusia, virus tersebut berpindah kepada tubuh badan lalu menyerang sistem saraf tunjang.

"Berbanding kajian antibodi lepas yang hanya menghasilkan antibodi sintetik secara umum untuk kebanyakan penyakit, kami cuba untuk mencipta antibodi sintetik yang khusus untuk penyakit tertentu. Penyakit JE ialah titik permulaan bagi kami kerana sifat virusnya yang kompleks dan unik untuk dikaji", katanya

Dr Leow turut menambah, bagi mencari komponen biologi yang sesuai untuk antibodi sintetik tersebut, mereka juga telah menjalankan kajian terhadap haiwan seperti kuda, kelawar, anjing dan juga kucing. Haiwan-haiwan ini telah dipilih kerana tahap antibodi mereka melawan penyakit lebih tinggi jika dibandingkan dengan haiwan lain.

"Saya mendapat kerjasama daripada kumpulan penyelidik muda INFORMM, Pusat Pengajian Sains Perubatan USM dan juga Universiti of Queensland di Australia untuk menjalankan penyelidikan ini. Kami dibahagikan mengikut jenis-jenis antibodi yang boleh didapati daripada pelbagai haiwan dan berbincang untuk bertukar pandangan tentang bahagian masing-masing", jelasnya lagi.

"Saya positif bahawa penyelidikan kami punyai harapan yang cerah untuk berjaya memandangkan hasil beberapa ujian ialah positif. Tetapi, kami masih belum menjalankan ujian terhadap manusia untuk melihat keberkesanannya terhadap sistem tubuh", katanya.

Leow menerangkan bahawa jika hasil penyelidikan antibodi sintetik positif, mereka bercadang untuk mencari industri yang berpotensi untuk memasarkan antibodi sintetik untuk masyarakat. Tambahnya, dengan adanya antibodi sintetik untuk virus JE ini, pesakit mempunyai harapan yang lebih tinggi untuk sembuh.

Virus ini dihasilkan oleh khinzir dan dipindahkan kepada spesies nyamuk Culex yang menghisap darahnya.

Makanan berasaskan cendawan tiram

Kajian produk makanan berasaskan cendawan tiram yang telah bermula sejak 2009 bertujuan memaksimumkan pengaplikasian cendawan tersebut yang tinggi khasiat kesihatan dan perubatan ke dalam produk makanan.

Kajian ini dijalankan oleh Timbalan Dekan (Penyelidikan) Pusat Pengajian Sains Kesihatan, Universiti Sains Malaysia (USM) Prof Madya Wan Rosli Wan Ishak yang dibantu oleh dua pelajar doktor falsafah (PhD), lima pelajar sarjana dan beberapa orang pelajar sarjana muda. Selain itu, penyelidikan ini juga dibantu oleh pegawai sains dan juruteknologi.

Menurut Prof Madya Wan Rosli Wan Ishak, kajian ini berupaya meningkatkan penghasilan serat dietari dalam formulasi makanan terproses. Pemajuan produk makanan terproses yang mengandungi cendawan tiram akan dapat meningkatkan kadar pengambilan serat harian kita.

"Hal ini penting kerana sekarang ini orang dewasa dan kanak-kanak di Malaysia tidak mengambi serat yang mencukupi dalam makanan. Serat dietari banyak terdapat dalam sayur, buah, cendawan, bijirin dan kekacang", jelasnya kepada Berita Kampus.

Tambahnya lagi, kajian ini menggunakan semua gred cendawan yang premium dan rendah kualiti untuk diproses menjadi bahan mentah menggantikan sebahagian tepung gandum atau daging dalam formulasi makanan berfungsi berasaskan bakeri atau produk daging terproses.

"Produk akhir telah dibuktikan secara saintifik dapat menurunkan indeks glisemik dalam biskut dan meningkatkan pencernaan nyata dalam kepingan daging. Ini melalui eksperimen yang diberi makan pada tikus selama 28 hari", katanya.

Tambah beliau, cabaran dalam kajian ini ialah ketidakseragaman sumber cendawan yang digunakan. Ia tidak konsisten dari aspek kualiti dan nutrien jika diambil dan diproses pada musim berbeza. Sebagai contoh kualiti zat makanan (nutrien) cendawan yang dituai pada musim kemarau agak berbeza dengan kualiti cendawan yang dituai pada musim tengkujuh.

Beliau berharap penyelidikan tersebut dapat memberi impak positif dalam melahirkan usahawan yang menggunakan cendawan dalam produk makanan berasaskan pastri seperti roti, kek dan biskut serta pengusaha cendawan termasuk agensi Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) yang membantu petani terpinggir dalam perusahaan perternakan cendawan tiram sebagai tanaman intergrasi.

"Kajian ini juga diharap dapat menghasilkan makanan terproses yang bukan sahaja sihat tetapi tinggi dengan zat makanan yang baik untuk memelihara status kesihatan mereka yang menggunakannya. Di samping itu, dalam jangka masa panjang usaha ini akan menjadi perangsang kepada pemajuan pelbagai produk makanan yang berasaskan kesihatan yang mudah dimakan dan popular", katanya.

"Pada masa hadapan, kajian ini dijangka berupaya membantu kerajaan dalam mengurangkan import bahan mentah seperti tepung, oat dan sebagainya jika pengaplikasian cendawan tiram ini dapat dikembangkan dalam pelbagai jenis produk makanan terproses yang lain", tambahnya.

Penyelidik USM hasilkan cat mesra alam

Sejenis cat mesra alam yang dinamakan Paintosorp dihasilkan oleh penyelidik Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia, Universiti Sains Malaysia (USM). Paintosorp adalah cat yang menyerap kotoran atau bahan toksik di dalam air sisa buangan daripada industri yang mengeluarkan sisa buangan air berwarna.

Antara industri yang dijangka untuk menggunakan cat ini adalah kilang batik, kilang pakaian dan kilang plastik. Paintosorp perlu disalut pada permukaan sistem pembetungan yang terdapat di laluan sisa buangan air berwarna itu. Ia akan bertindak sebagai penyerap kepada bahan toksik berwarna daripada air sisa buangan terbabit dan merawat air tersebut.

Menurut ketua penyelidik, Dr Suzylawati Ismail, perbezaan antara Paintosorp dengan cat biasa ialah Paintosorp bertindak sebagai penyerap kotoran daripada sisa buangan air berwarna. Cat biasa pula hanya bertindak sebagai hiasan dinding atau penyadur bagi menahan karat.

"Paintosorp mempunyai peluang yang cerah di masa hadapan terutama di dalam bidang pengawalan pencemaran sisa buangan. Ia turut digunakan ke atas bahan logam berat dari kilang elektrik dan elektronik. Selain itu, juga boleh mengawal pencemaran bau. Paintosorp boleh mendapat tempat di kalangan pengamal-pengamal pengawalan alam sekitar dari pelbagai bidang", jelasnya lagi.

Penyelidikan yang melibatkan kos sebanyak RM50,000 bermula pada Oktober 2014 dan menghadapi cabaran dari segi penghasilan formula Paintosorp itu sendiri. Pelbagai cara dan kaedah digunakan selama lapan bulan bagi memastikannya berfungsi sebagai bahan penyerap dan dapat melekat kuat pada permukaan saluran yang digunakan.

Paintosorp juga boleh diaplikasi di kilang-kilang yang mengeluarkan sisa kumbahan air berwarna. Produk ini sangat berguna untuk membolehkan mereka melepaskan air sisa buangan ke dalam sungai dengan keadaan yang mengikut piawaian standard seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Utamakan kualiti produk makanan

Kajian mengenai Slim.Mee yang dijalankan oleh Professor Dr Azhar Mat Easa, Dekan Pusat Pengajian Teknologi Industri, telah banyak memberi manfaat kepada pengguna yang mengamalkan pemakanan yang sihat. Produk ini mula dipasarkan secara jualan langsung dan atas talian seperti Facebook pada Mac 2014 oleh Nutrisanne Food Sdn. Bhd.

Slim.Mee ialah produk yang berasaskan bahan-bahan asli yang rendah kalori dan karbohidrat. Ia berbeza dengan produk mee yang lain dari segi kandungan fiber yang tinggi dan pengguna akan merasa kenyang yang lebih lama.

Produk ini juga, sesuai untuk semua peringkat umur yang mementingkan kesihatan dan pada masa yang sama menjaga berat badan.

Menurut Pengarah Urusan Nutrisanne Food, Wong Hsin Wei sasaran pengguna produk ini adalah golongan dewasa yang bekerja dan individu yang menjaga berat badan serta mementingkan gaya hidup sihat.

"Selain mudah untuk disediakan, Slim.Mee amat membantu individu-individu yang menjaga kesihatan kerana ianya mampu memberikan tenaga yang lebih panjang kepada pengguna dan pada masa yang sama memberikan rasa yang sangat enak", katanya kepada *Berita Kampus*.

"Kebanyakan pengguna sangat berpuas hati dari terhadap produk ini selepas mengambilnya. Kebanyakan mereka mengakui bahawa, ianya senang dimasak dan sesuai dengan citarasa mereka", tambahnya lagi.

Namun begitu, produk ini juga sukar untuk dipasarkan kerana kurangnya kesedaran pengguna terhadap kepentingan memilih pemakanan yang sihat dan berkualiti.

"Terdapat beberapa halangan dalam memasarkan produk ini, kerana masyarakat pada masa kini lebih mementingkan harga sesuatu produk berbanding dengan kualiti dan pengguna kurang kesedaran akan kepentingan memilih produk pemakanan yang sihat dan berkualiti", kata Wong.

CAKNA ILMU | TUN DR MAHATHIR

Pemikiran anti-peperangan penggerak keamanan global

Mantan Perdana Menteri Malaysia Tun Dr Mahathir Mohamad membuka minda siswa-siswi Universiti Sains Malaysia tentang pemikiran anti-peperangan demi mencapai keamanan global.

Beliau berkata sedemikian ketika menghadiri program Cakna Ilmu yang bertemakan 'Mendepani pemikiran Tun Dr. M' yang berlangsung di Dewan Tuanku Syed Putra (DTSP) pada 30 April lalu.

Tun. M yang merupakan Pengerusi Pertubuhan Keamanan Global Perdana (PGPO) turut menjelaskan peranan pertubuhan keamanan global perdana dalam membanteras peperangan.

"Saya memberikan tumpuan kepada pemikirkan tentang peperangan setelah tamat mengalas tugas sebagai perdana menteri kerana membunuh orang adalah satu jenayah tetapi membunuh beratus ribu orang tidak dilihat sebagai jenayah", kata beliau.

"Kalau kita dapat menghentikan peperangan kita boleh hidup dengan sempurna. Justeru, perselisihan faham antara negara tetap wujud namun konflik sebegitu boleh diselesaikan melalui rundingan dan juga perhakiman mahkamah", tambah Tun. M.

Menurutnya, manusia mentakrifkan diri mereka bertamadun tinggi tapi masih membunuh orang melalui peperangan.

Sepatutnya, pembunuhan harus dilihat sebagai satu jenayah dan sesiapa yang terlibat dalam pembunuhan harus dihadapkan ke mahkamah sekaligus dihukum atas perbuatan mereka.

"Sehubungan itu, PGPO memulakan perjuangan secara kecil-kecilan dengan menyemaikan perasaan benci terhadap peperangan. Dengan mendidik tentang jenayah perang. Ini mengambil jangka masa yang panjang dan meliputi seluruh dunia", kongsi beliau.

"Saya sedar bahawa tidak boleh membuka pemikiran manusia di seluruh dunia tetapi mengusahakan secara kecil-kecilan dan hasilnya Kelab Anti-Peperangan ditubuhkan di sekolah", kata beliau.

Menurutnya, anak-anak muda patut diajar untuk benci peperangan sejak kecil. Peperangan juga boleh dicegah dalam negara demokasi melalui pengakuan bahawa 'Kami tidak sokong peperangan' daripada ahli parlimen. Justeru, pengundi tidak akan mengundi sekiranya mereka gagal berbuat sedemikian.

"Ini kerana mereka yang membuat keputusan tidak akan terlibat dalam peperangan, yang terlibat dengan perang ialah anak-anak muda",ujar beliau.

Menurut beliau, ajaran Islam turut tegak menolak peperangan dalam kalangan umatnya.

Saya memberikan tumpuan kepada pemikirkan tentang peperangan setelah tamat mengalas tugas sebagai perdana menteri kerana membunuh orang adalah satu jenayah tetapi membunuh beratus ribu orang tidak dilihat sebagai jenayah.

Kuasai ilmu dalam hadapi globalisasi



ILMU Tun Dr. Mahathir nasihati siswa-siswi USM terhadap pentingnya penguasaan ilmu dalam menghadapi cabaran globalisasi dalam program Cakna Ilmu yang telah berlangsung di Dewan Tuanku Syed Putra (DTSP) pada 30 April 2015.

Oleh **NURHABIBAH NORDIN**

Program Cakna Ilmu Mendepani Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad yang berlangsung di Dewan Tuanku Syed Putra, Universiti Sains Malaysia (USM) mendapat sambutan menggalakkan dari siswa-siswi USM dan masyarakat sekitar Pulau Pinang.

Program tersebut meningkatkan ilmu dan motivasi dalam kalangan siswa-siswi USM melalui perkongsian pengalaman dan pemikiran Tun Dr. Mahathir.

"Ilmu dapat memberikan kekuatan kepada kita mencapai kejayaan dan membantu kita untuk berjaya pada masa hadapan. Oleh itu, kita haruslah memberikan tumpuan sepenuh tenaga dalam penguasaan ilmu. Kita juga perlu mengetahui isu semasa di luar kampus dan negara-negara luar supaya tidak ketinggalan jauh dan mampu menghadapi cabaran di peringkat globalisasi", kata Mantan Perdana Menteri Malaysia ke-4, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Tambahnya lagi, siswa-siswi USM perlu fokus kepada pembelajaran dan meningkatkan kemahiran sahsiah dan ekonomi dengan kerjasama masyarakat supaya selari dengan negara-negara maju seperti Jepun dan China.

"Kita perlu menguasai Bahasa Inggeris untuk bersaing dengan masyarakat di peringkat antarabangsa. Hal ini disebabkan, sains dan matematik mempunyai pelbagai perkataan yang kita tidak boleh ubah kepada bahasa Melayu. Oleh itu, untuk bersaing dengan negara maju, kita perlu menguasai bahasa Inggeris", kata Pengarah Projek, Areeprakash Pathma Nathani kepada Berita Kampus.

Tun Dr Mahathir berkongsi pendapat dengan siswa-siswi USM

Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Sains Malaysia (USM) telah menganjurkan program Cakna Ilmu - Mendepani Pemikiran Tun. Dr. Mahathir Mohamad, mantan Perdana Menteri Malaysia ke-4 di Dewan Tuanku Syed Putra USM pada 30 April 2015 yang lalu.

"Program ini bertujuan memberikan motivasi kepada siswa-siswi USM untuk berfikiran terbuka dan maju ke hadapan. Program yang berfokus ilmiah ini mendapat sambutan yang menggalakkan iaitu seramai 3,000 tetamu yang hadir. Jumlah ini menepati sasaran kami", kata pengarah projek, Areeprakash Pathma Nathan.

Tambahnya, program tersebut diadakan kerana siswa-siswi USM dan masyarakat setempat mengenali Tun Dr. Mahathir dan idea pemikirannya yang jauh ke hadapan.

Perkongsian pengalaman beliau sepanjang tempoh kepimpinan beliau di Malaysia sewajarnya menjadi contoh kepada siswa-siswi USM.

"Kami telah memilih Tun Dr. Mahathir kerana beliau telah banyak berjasa kepada pembangunan negara untuk mencapai Wawasan 2020. Melalui pemikiran beliau juga, kita dapat mempelajari pelbagai kaedah untuk bersaing di peringkat global", tambah Areeprakash lagi kepada Berita Kampus.

Program yang dihadiri Pro-Canselor, Tan Sri Datuk Mustafa Mansur, Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Omar Osman, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal & Pembangunan Pelajar, Profesor Dr. Adnan Hussein, Pengarah Kampus Kesihatan, Profesor Dato' Dr. Mafauzy Mohamed, Ketua Pustakawan, Encik Mohd Pisol Ghadzali, dan Penasihat Undang-Undang, Encik Khairul Anur Che Azmi mendapat sambutan yang menggalakkan dari masyarakat setempat.

Menurut Areeprakash, cabaran yang terpaksa dihadapi adalah terpaksa melalui pelbagai prosedur untuk menjemput Tun Dr. Mahathir.

"Program ini sepatutnya dijalankan pada semester lepas. Namun, Tun Dr. Mahathir tidak dapat hadir ke USM kerana faktor kesihatan beliau yang tidak mengizinkan. Oleh itu, program ini dijalankan pada semester ini", katanya lagi.

"Saya gembira kerana mendapat maklumat untuk menyelesaikan sesuatu isu dan dipraktikkan di dalam diri saya. Melalui perkongsian beliau, kita perlulah tenang menghadapi cabaran yang berlaku dan berfikiran terbuka menghadapi masalah", kata Nur Suhaila Harun, Sains Kemasyarakatan 3.

Misi YSS Laos semarak semangat sukarelawan

Oleh **NURUL KHAIRIAH MOHAMED YUSOF**

Misi Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menghantar pasukan sukarelawan yang terdiri daripada 27 orang siswa-siswi dari pelbagai institusi pendidikan tinggi termasuk untuk mengambil bahagian dalam Misi Sukarelawan Siswa-ASEAN 2015 di Savannakhet, Laos pada 11 hingga 19 April lalu.

Menurut wakil USM ke misi tersebut, Siti Zurianah Ismail, sebelum misi dilaksanakan, pihak mereka telah membuat perancangan teliti selama tiga bulan bagi memastikan tujuan misi tersebut dapat dicapai, iaitu menyediakan penduduk di kawasan pedalaman Savannakhet dengan pelbagai kemudahan dan juga kemahiran akademik seperti bahasa Inggeris dan komputer.

"Kami menggunakan konsep 'immersion' iaitu tinggal bersama-sama masyarakat setempat. Hal ini membuatkan komunikasi lebih berkesan memandangkan projek-projek yang yang dijalankan tidak akan berjaya tanpa ada kerjasama penduduk. Pengalaman yang sukar dilupakan ialah apabila mereka sangat teruja dan juga hairan semasa menjalani kelas komputer kerana kebanyakannya tidak pernah melihat komputer", katanya.

Tambah Siti lagi, selain kelas tambahan dan bengkel komputer, mereka juga berganding bahu bagi menceriakan sekolah di sana dengan lukisan cat mural, membina tembok pada pintu masuk ke kawasan kampung dan juga membaiki klinik awam yang sudah usang. Menariknya, mereka menggunakan bahan-bahan terpakai bagi membaiki kawasan kampung seperti tayar dan juga kayu yang sebelumnya digunakan untuk upacara keagamaan.

"Kami juga menjalankan pemeriksaan kesihatan seperti mengukur tahap tekanan darah penduduk menggunakan peralatan yang dibekalkan oleh YSS dan memberikan panduan untuk menjaga kebersihan diri seperti gaya rambut yang kemas dan juga kepanjangan kuku yang sesuai", jelasnya.

Siti menjelaskan bahawa perbezaan bahasa tidak menjadi isu kerana siswa-siswi Universiti Savannakhet turut menyertai pasukan YSS dan bertidak sebagai pengantara antara pihak mereka dan penduduk kampung semasa menjalankan program.

"Siswa-siswi Universiti Savannakhet akan menjalankan lawatan susulan ke kampung yang terlibat bagi memastikan perkara yang telah kami ajar masih diteruskan dan kemudahan awam yang dibina masih digunakan", bicaranya.



Wakil USM bagi misi YSS di Laos, Siti Zurianah (bertudung hitam) memotong kuku pelajar di kawasan pedalaman Savannakhet dalam salah satu program penjagaan kebersihan bagi penduduk tempatan di sana. GAMBAR EHSAN SITI ZURIANAH ISMAIL

Kembangkan peranan muzium

Muzium USM mendedahkan maklumat perkembangan permuziuman melalui Workshop Bringing Museum To Life anjuran Muzium dan Galeri Tuanku Fauziah (MGTF) Universiti Sains Malaysia pada 21 April yang lalu.

Pengarah MGTF, Zolkurniaan Hassan berkata, bengkel tersebut bertujuan untuk melihat bagaimana pendekatan yang baru dapat diaplikasikan kepada institusi muzium setempat supaya meningkatkan lagi pembangunan permuziuman.

"Bengkel ini adalah program peringkat antarabangsa melalui kerjasama Goethe-Institut (GI) Malaysia yang menjemput Karin Rottman daripada Muzium Cologne, Jerman untuk berkongsi pengalaman dan ilmu pengetahuan seperti aktiviti pameran, program-program pendidikan dan pengembangan muzium di luar negara", katanya.

Selari dengan keperluan tersebut, MGTF berupaya untuk menghidupkan muzium tersebut dengan koleksi-koleksi melalui aktiviti yang menarik dan tidak menjadikan koleksi yang ada hanya sebagai perhiasan sahaja seperti wayang kulit dan alat muzik tradisional.

Zolkurniaan juga berkongsi bahawa terdapat hampir 30 ribu pengunjung yang hadir ke MGTF, USM sepanjang tahun 2014 terdiri daripada pengunjung luar dan dalam USM sendiri.

Sementara itu, Zolkurniaan berharap agar bengkel sedemikian mampu memberi ilmu yang baru kepada institusi muzium dalam membangunkan muzium kerana kita masih dalam negara membangun yang memerlukan pendedahan daripada muzium yang telah lama bertapak di dunia.

Seramai lebih 50 orang peserta Workshop Bringing Museum To Life dari pelbagai istitusi muzium sekitar utara hadir bagi mengikuti bengkel berkenaan yang berlangsung di Muzium dan Galeri Tuanku Fauziah, USM.

Pertanian suatu perniagaan

Talk Series bertajuk 'Agrotechture' anjuran Kampus Sejahtera yang diadakan di Dewan Kuliah I, Universiti Sains Malaysia (USM) telah mendapat sambutan baru-baru ini.

Menurut penceramah Sukarelawan Kampus Sejahtera, Mohamad Iberahim Mohd Kifri, masyarakat dahulunya menggunakan pertanian sebagai sumber makanan mereka sendiri tetapi tidak tahu untuk memasarkannya bagi tujuan perniagaan.

"Saya ingin berkongsikan pengalaman saya. Saya berasal daripada kampung dan orang kampung biasanya banyak tanah dan suka mengusahakan tanah mereka. Sejak kecil saya sering ikut kawan-kawan saya mengutip getah dalam bentuk pepejal dan jual di kampung", katanya.

Beliau juga menyatakan bahawa beliau telah dididik oleh keluarga dalam bidang pertanian dengan menanam pokok limau kasturi di halaman rumahnya.

"Saya banyak tanam limau kasturi. Setiap hujung minggu saya akan petik limau-limau ini dan hasilkan Jus Cinta. Untuk menghasilkan Jus Cinta, di bahagian tengah limau kasturi ini akan diletakkan 'asam boi' dan kemudian dimasak dengan air gula. Hasilnya kami akan jual secara kecil-kecilan di pekan sekitar kampung saya", jelasnya lagi.

Beliau berkata siswa-siswi USM mempunyai pelbagai idea untuk berniaga tetapi tidak tahu untuk memulakan dan meneruskan perniagaan berasaskan pertanian.

"Sebelum memulakan perniagaan siswa-siswi perlu ada tapak untuk aktiviti pertanian. Kemudian, sumber modal selain daripada wang sendiri siswa-siswi boleh melakukan pinjaman seperti di SME Bank, menjalani kursus dan seminar dan akhirnya memulakan perniagaan berskala kecil untuk melihat potensi terhadap perniagaan tersebut", katanya lagi.

Menurut Pengarah Projek, Nurul Ain Syahirah Rosli, ceramah ini bertujuan untuk memberi peluang kepada sukarelawan pelajar Kampus Sejahtera berkongsi pengalaman dan idea dalam bidang pertanian khusus untuk siswa-siswi USM yang berkeinginan menjadikan bidang pertanian sebagai sumber pendapatan.

Colours of Malaysia usaha baru MPD Tekun

Program Colours of Malaysia anjuran Majlis Penghuni Desasiswa (MPD) Tekun Universiti Sains Malaysia (USM), berjaya menarik perhatian penonton.

Menurut Pengarah Projek, Kho Ying Han, projek ini adalah satu usaha baru MPD Tekun bagi sidang 2014/2015. Objektif program ini adalah mempersembahkan warisan dan kebudayaan yang terdapat di negara kita di samping mengasah bakat siswa-siswi kita dalam pementasan tarian.

"Pada tahun ini MPD Tekun telah membuat perubahan dengan menumpukan Colours of Malaysia ke atas rampaian tarian daripada persatuan anak-anak negeri di USM. Ini memberikan ruang kepada persatuan-persatuan anak negeri menunjukkan dan mencungkil bakat daripada persatuan mereka" tambah Ying Han lagi.

Menurut Nurshamizah Abdul Ghani, Ilmu Kemanusiaan 3, program ini berbaloi diluangkan masa. Dia amat berpuasa hati dengan persembahan dan pertandingan yang diadakan dalam program ini.

"Pada mulanya saya dan rakan saya hanya datang ke program ini untuk mengumpul mata MyCSD sahaja, namun kami tertarik dengan persembahan tarian dan nyanyian klasik yang diadakan menyebabkan kami berubah fikiran dan tunggu sehingga program ini habis. Saya harap program ini dapat membuat lebih banyak pembaharuan dari segi penyertaan kerana peserta hanya daripada kaum Melayu bukan berbilang kaum", kata Nurshamizah lagi.

Siswa-siswi disaran tingkatkan budaya membaca

Program Jom Baca Bersama Selama 10 Minit yang dikelolakan oleh staf Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia (USM) telah berlangsung dengan jayanya melibatkan enam kawasan lain di Pulau Pinang dan seluruh negara secara serentak pada 23 April lalu.

Menurut Ketua Pustakawan Universiti Sains Malaysia, Encik Mohd Pisol Ghadzali, penganjuran program itu bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap budaya membaca melalui aktiviti membaca secara serentak walaupun hanya selama 10 minit.

"Jom Baca Selama 10 minit tidak melibatkan USM sahaja sebaliknya diadakan secara serentak di enam kawasan lain di Pulau Pinang serta seluruh Malaysia antaranya Perpustakaan Awam Pulau Pinang, pasaraya Mydin dan beberapa lagi", tambahnya lagi.

"Pada tahun ini, secara puratanya seramai 20,000 hingga 22,000 siswa-siswi mengakses setiap bulan ke perpustakaan berbanding tahun lepas yang hanya berjumlah 9,000 sahaja. Justeru, peningkatan ini menunjukkan bahawa siswa-siswi memanfaatkan sepenuhnya perpustakaan untuk menuntut ilmu", katanya.

Noor Hafiqah Ahmad Subri, Sains Kimia 2, berkata program yang disertainya memberikan suatu pengalaman baru kerana aktivti sebegini jarang-jarang dianjurkan. Selain meningkatkan kesedaran siswa-siswi akan pentingnya budaya membaca, program ini dilihat mengeratkan hubungan antara mereka yang terlibat.

"Siswa-siswi hanya membaca bahan-bahan bacaan yang diberikan pensyarah untuk menyelesaikan tugasan dan menghadapi peperiksaan. Oleh itu, saya merasakan budaya membaca dalam kalangan siswa-siswi perlu diterapkan melalui pelbagai aktiviti kerana tanpa usaha yang giat akan menyebabkan universiti melahirkan siswa-siswi yang jumud dan modal insan yang tidak berkualiti", jelasnya.

Nik Haris Md Rizani, Perumahan, Bangunan dan Perancangan 3, berkata siswa-siswi kurang kesedaran tentang pentingnya budaya membaca. Kesibukan menyiapkan tugasan, kuiz dan peperiksaan serta aktiviti-aktiviti luar menyebabkan siswa-siswi kesuntukan masa untuk membaca buku-buku yang tidak menjadi keperluan .

"Program ini ialah inisiatif yang baik kerana memberi peluang kepada pelbagai golongan masyarakat untuk turut terlibat seperti kanak-kanak dari Tadika Minden. Hal ini secara tidak langsung menerapkan budaya membaca sejak kanak-kanak lagi", katanya.

Program tersebut adalah anjuran Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang, Perpustakaan Negara Malaysia dan Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia.

Choose2Protect clears sex myths

By **AU TSE EN NICOLE**

Choose2Protect workshop has been held on the 30th April 2015, at 8pm at DKM Universiti Sains Malaysia by Durex, in partnership with AIESEC in Malaysia, Women's Aid Organisation (WAO), and the Federation of Reproductive Health Associations, Malaysia (FRHAM).

Aimed to educate young Malaysians about the dangers of sexually transmitted infections (STIs), the workshop was carried out by three peer educators. The peer educators are AIESECers who have received sex education from WAO and FRHAM.

The Project Director, Jessie Yong Qian Mei, as one of the peer educators, during the ice-breaking session, showed students a video that emphasised on the message "Sex is not a stigma. Ignorance is".

She then presented the facts and statistics in Malaysia.

"Based on the report of the Ministry of Health Malaysia, 51 cases of teen pregnancies have been reported each day. However, this figure only represents those who have been reported, imagine teens who feel ashamed and dared not admit that they've pregnant. Also, 45% of the Malaysian youths had their first sex without the protection against STIs. This is then leads to the fact that 21% of Malaysians have been infected with an STI in their lifetime", said Jessie.

"Our reproductive organs, like penis and vagina, are just like our eyes and mouth. They are parts of our bodies and there is nothing to be ashamed of", explained Jessie when showing photos of reproductive organs of both sexes to let students understand their reproductive organs.

The workshop also cleared some myths on sex that are normally perceived by majority of people.

One of the myths is that most people think that women cannot get pregnant when she is having menstruation during the sexual intercourse. In fact, according to Jessie, there is no time of the month that is completely safe for unprotected sex.

There is also another common myth where people think if a male draws before ejaculation, a woman would not get pregnant.

"This is not true because before a man ejaculates, there might be some leaking of liquid which contains thousands of sperm. Do bear in mind that it only takes a sperm to fertilise an egg", explained Jessie.

The second peer educator, Ngoo Xiao Wei, shared knowledge about STIs. There are basically four types of STIs, which are either caused by bacteria, fungi, parasites or viruses. Among these four types of STIs, only STI caused by viruses could not be cured. However, according to Ngoo, prevention is always better than cure. Prevention methods suggested by Ngoo are abstinence and the usage of condom.

Ngoo told students that STIs could only spread through unprotected sex, sharing of needles and syringes and sharing of sex toys. Sharing the same toilet seats, kissing, bitten by a mosquito that has bitten a person with STI, and spitted by a person who has STI do not spread the infection.

The third peer educator, Erica Seng Ee-Su gave talk on human immunodeficiency virus (HIV) and acquired immunodeficiency syndrome (AIDS). AIDS is the disease caused by HIV, the virus. According to Erica, having HIV does not mean that one infects AIDS. She also said that HIV test could be done through a specific blood test in hospitals and clinics.

Even though there is no cure for AIDS, Erica said there are antiretroviral (ARV) drugs that help stop the HIV from spreading. However, one has to continue taking the drugs throughout his life once he starts taking it.

The workshop ends at 9.30pm. Students who attended the talk were given a brochure, a notebook and a badge. They were also required to fill in a questionnaire to assess their knowledge of sexual and reproductive health.

Keseimbangan biodiversiti perlu dijaga

Kesedaran tentang kepentingan kepelbagaian bio haruslah dititikberatkan oleh setiap siswa-siswi. Bual Bicara Biodiversiti: Preserved Biodiversity, Preserved Our Planet yang diadakan pada 22 April lalu bertempat di Dewan Kuliah I telah membincangkan mengenai pemuliharaan dan pemeliharaan biodiversiti bumi yang semakin terjejas.

Terdapat beberapa kepentingan biodiversiti kepada kehidupan bumi iaitu sebagai sumber makanan dan minuman, ubat-ubatan, bahan industri, sumber minyak, tempat perlindungan dan menstabilkan iklim bumi.

Menurut moderator, Noor Syafira Zainal Abidin, kurangnya kepekaan manusia terhadap biodiversiti telah mengubah suhu bumi. Kesannya seperti suhu panas yang berlaku di Pulau Pinang telah menjadikan Pulau Pinang sebagai pulau haba seperti di ibu negara.

"Penggondolan bukit merupakan salah satu sebab terjadinya pulau haba. Penggondolan yang dilakukan untuk pembangunan secara tidak langsung menjejaskan habitat-habitat yang ada dan menjejaskan struktur geografi", tambah beliau

Bual bicara yang diadakan sempena Hari Bumi itu juga, menekankan terhadap tiga jenis biodiversiti yang wujud iaitu biodiversiti gen, biodiversiti spesies dan biodiversiti ekosistem.

"Biodiversiti spesis lebih tertumpu kepada floral dan fauna. Biodiversiti gen berkait rapat dengan sifat fizikal atau biologi sesuatu spesis, manakala biodiversiti ekosistem adalah sistem lingkungan kehidupan alam semulajadi", katanya.

ICOND'15 medium siswa-siswi suarakan idea penambahbaikan strategi kekalkan keamanan

Tiga perkhidmatan Pegawai Kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Udara, Laut, dan Darat Universiti Sains Malaysia (USM) telah digabungkan bagi mengadakan program iaitu Makmal Penulisan Kertas Kerja dan Persidangan Antarabangsa Pertahanan Negara (ICOND 2015) pada Mei dan Oktober tahun ini.

Menurut Pengarah program itu, Nurrabi'atul Munirah Rushdi, program 9 Mei itu adalah pendedahan kepada siswa-siswi untuk menghasilkan kertas kerja yang berkualiti mengikut piawaian Sarjana APEX untuk pembentangan pada Oktober 2015.

Tambahnya, persidangan yang akan diadakan di Kompleks Cahaya Siswa USM pada 17 dan 18 Oktober sebagai satu medium untuk Pegawai Kadet dan peserta dari unit beruniform USM menyuarakan idea atau strategi yang baru bagi mentransformasi pentadbiran untuk masa hadapan yang seiring dengan kecanggihan teknologi.

"Penganjur berusaha memartabat nilai keilmuan dan keyakinan dalam diri peserta dan pada masa yang sama menaikkan imej universiti dan Malaysia di persada antarabangsa.

"Oleh itu, persidangan ini adalah usaha yang dihasilkan bagi melahirkan generasi-Y yang berintegriti dan berkaliber," katanya.

Munirah berkata, persidangan yang bertemakan "Young Intelligent Catalyses A Tranquil Nation" itu turut melibatkan penyertaan siswa-siswi dari Brunei dan Indonesia serta Pegawai Kadet dari 18 buah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

"Penyertaan amat dialu-alukan kepada siswa-siswi untuk menyuarakan pendapat dan idea-idea bernas berhubung penambahbaikan strategi dalam usaha mengekalkan keamanan sejagat," katanya.

Satu medium untuk Pegawai Kadet dan peserta dari unit beruniform USM menyuarakan idea atau strategi yang baru bagi mentransformasi pentadbiran untuk masa hadapan yang seiring dengan kecanggihan teknologi.

Makmal Penulisan Kertas Kerja	Penghantaran Abstrak	Pemberitahuan Penerimaan Abstak	Penghantaran Kertas Kerja	Persidangan (ICOND'15)
9 Mei (KOMCA)	1 Jun	15-20 Jun	17-23 Ogos	17-18 Oktober (KOMCA)

Tarikh penting untuk Makmal Penulisan Kertas Kerja dan Persidangan Antarabangsa Pertahanan Negara (ICOND 2015)

Rumah ibarat neraka apabila isteri luar biasa



JUDUL Home Sweet Hell
GENRE Komedi dan drama
PENGARAH Anthony Burns
PELAKON Katherine Heigl, Patrick Wilson, Jordana Brewster, Kevin McKidd, A.J. Buckley, James Belushi
ULASAN Muhamad Ridzwan Md Ali

Home Sweet Hell adalah sebuah filem Hollywood bergenre drama berkomedi. Filem yang dibintangi oleh Patrick Wilson dan seorang pelakon terkenal yang sering melakonkan dalam filem romantik iaitu Katherine Heigl.

Penggambaran di New Orleans, Louisiana menerangkan kisah bagaimana pasangan suami isteri terjebak dalam pembunuhan secara tidak sengaja setelah kehadiran pembantu jurujual wanita cantik yang baru bekerja di syarikat menjual barangan rumah milik keluarga mereka.

Home Sweet Hell bercerita tentang Don Chmpagne (Patrick Wilson) yang mendambakan kehidupan seorang lelaki dan suami. Don telah memiliki kekayaan dari aspek perniagaan yang maju, rumah yang besar, kereta mewah dan anak-anak yang comel. Namun isterinya Mona (Katherine Heigl) agak berbeza kerana sering merujuk buku miliknya sebagai panduan menguruskan kehidupan dan wawasan rumah tangganya.

Keinginan Don untuk memenuhi impian sebagai suami dalam pasangan suami isteri sering gagal kerana Mona sering berdisiplin dalam menguruskan rumah tangga sehinggalah hak sebagai suami untuk mendapatkan kepuasan seks disekat. Sikap Mona yang sedemikian, sering membuatkan Don tertekan dan terpaksa mencari kegembiraan hidupnya diluar. Suatu ketika di syarikatnya, Don bertemu seorang pekerja yang bernama Dusty (Jordana Brewster). Dusty seorang gadis yang cantik, berbadan seksi dan dianggap sebagai wanita pelacur dari Mexico membuatkan Don mudah tergoda dengan sikapnya. Dengan cepatnya perhubungan Don dan Dusty melakukan hubungan seks tanpa pengetahuan Mona hingga berlaku kehamilan.

Dusty yang mempunyai peluang kehamilan cuba untuk memeras ugut Don untuk memberitahu Mona tentang perbuatan mereka, namun Don mengambil tindakan awal memberitahu isterinya Mona terlebih dahulu. Kehidupan mereka sekeluarga ketakutan gara-gara ugutan Dusty dan dari kumpulan gangster yang menagih duit dari mereka. Disebabkan Mona terlalu marah, Mona semakin liar hingga sanggup melakukan apa saja demi mempertahankan maruah keluarga mereka bagi menutup nasib malu suaminya.

Don semakin buntu memikirkan masalah angkara sikapnya. Mona mengesa Don membunuh Dusty. Mona mula menyusun perancangan membunuh Dusty sehingga melibatkan kumpulan gangster yang memeras ugut mereka. Don mempunyai perancangan untuk menamatkan semuanya setelah menyedari bahawa Mona menghidap Obsessive-compulsive Disorder (OCD) yang membuatkan pemikiran Mona tidak terkawal menyebabkan Mona tidak boleh berhenti dalam pembunuhan yang kejam demi menunaikan segala impian yang dirancang dalam buku "My Goals Book" miliknya.

Anthony Burns adalah seorang pengarah yang mampu menghasilkan filem yang menghiburkan dalam pembunuhan, bukan hebat tetapi hasil arahannya tidak bosan untuk ditonton. Home Sweet Hell cuba membawa penonton untuk memasuki kehidupan keluarga mewah dan mengetahui bahawa kemewahan tidak mampu untuk memberi kebahagian yang sebenar. Sorotan ceritanya memberi jawapan kepada persoalan-persoalan kepada penonton apakah punca Don bersikap demikian menerusi filem ini.


Dalam Home Sweet Hell perkembangan karektor dalam setiap watak adalah jelas dan ia tidak tertumpu kepada Don seorang sahaja. Semuanya seimbang dan menonjol menampakkan ceritanya lebih nampak jelas dan penonton dapat menyelami jalan cerita dari setiap watak. Berbeza dari filem romantik yang terdapat di pasaran, wanita yang mempunyai masalah dalam perhubungan akan menamatkan hubungan mereka dengan penceraian, namun Bagi Home Sweet Hell hubungan tidak harus ditamatkan dengan penceraian tetapi dengan kematian.

Cuma, Home Sweet Hell kurang menyengat kerana pembunuhan yang dilakukan tidak menyeramkan kerana terdapat unsur komedi yang cuba diselitkan melalui watak Don dalam filem ini. Melihat watak Don yang mempunyai personaliti yang baik dan seorang lelaki yang bacul membuatkan babak pembunuhan kurang seimbang kerana lebih menonjolkan Mona dalam aksi ini. Antara contoh, Don takut dalam melakukan pembunuhan berbanding Mona isterinya membunuh tanpa ada perasaan takut dan gentar.

Walaupun Home Sweet Hell memaparkan dunia kehidupan keluarga mempertaruhkan nyawa dalam mencapai kebahagian, tetapi filem ini mempunyai jalan cerita tersendiri bukan sekadar memaparkan dunia dendam yang kotor semata-mata. Secara amnya, dapat dilihat dan disimpulkan bahawa filem ini mengangkat cerita manusia yang terpaksa terlibat dalam dunia yang kotor kerana keterpaksaan. Kebahagian yang cuba dicabul oleh manusia luar membuatkan manusia yang hidup dalam rumah tangganya sanggup melakukan apa sahaja atas dasar cinta dan kasih sayang terhadap keluargan walaupun terpaksa membahayakan diri sendiri.

Secara keseluruhannya, penonton akan dapat menilai bahawa pemaparan dan cerita dalam Home Sweet Hell adalah teruk dan akan merosakkan minda golongan muda kerana terdapat babak seperti seks yang tidak ditapis. Filem ini tidak sesuai ditonton oleh remaja bawah umur yang masih belum matang dan tidak dapat menilai sesuatu secara kritis dari sudut yang lebih positif yang dapat memberi pengajaran kepada diri sendiri. Hakikatnya Home Sweet Hell bukan sekadar cerita komedi, romantik dan kekejaman semata-mata, ianya sarat dengan persoalan-persoalan tentang kehidupan di antara dua dunia yang berbeza.

Kenali keajaiban dunia



JUDUL 100 Wonders of The World
GENRE Pelancongan
PENULIS Micheal Hoffman dan Alexander Krings
PENERBIT Parragon Books Ltd
ULASAN Muhammad Fauzi Samsudin

Buku 100 Wonders of The World adalah panduan pelancongan mengenai 100 lokasi menarik dan unik yang pastinya akan menarik perhatian sesiapa sahaja terutamanya mereka yang gemar melancong.

Buku ini memaparkan 100 lokasi menarik berdasarkan dua kategori iaitu alam semula jadi dan seni bina manusia yang menjangkaui jangkaan manusia.

Kandungan dalam buku ini dibahagikan kepada tujuh bab berdasarkan geografi dunia iaitu Africa, Asia, Europe, Central and South America, North America, Oceania dan The Pole and Beyond.

Gambar-gambar yang ditampilkan dalam buku ini juga sangat menarik kerana mempunyai sudut, posisi, kualiti, dan warna yang sangat jitu dan teliti. Dengan hanya melihat gambar, pembaca dapat menyaksi dan menilai sendiri keindahan alam semula jadi dan seni bina yang terdapat dalam buku ini.

Di samping itu, terdapat penerangan bagi setiap keindahan alam semula jadi dan seni bina dari aspek sejarah pembinaan atau penemuaannya, keunikan seni bina atau alam sekitar tersebut dan fakta-fakta lain.

Kandungannya membolehkan pembaca memahami dengan lebih mendalam mengenai persoalan mengapa alam semula jadi dan seni bina yang dipaparkan dalam buku ini mendapat gelaran "100 Wonders of The World".

Antara lokasi dan gambar menarik yang dimuatkan dalam buku ini adalah Piramid, Giza, Angkor Wat, Babylon, Kuil Borobudur, Maldives, Taj Mahal, Taipei 101 , Menara Eiffel, Venice, Menara CN, Old Faithful, Taman Negara Yosemite dan banyak lagi. Namun begitu, tidak semua lokasi yang dipaparkan dalam buku ini menepati terma 'menarik' bagi setiap individu.

Konsep 'menarik'bagi setiap individu adalah berbeza berdasarkan persepsi dan kefahaman mereka mengenai definisi 'menarik'.

Sebagai contohnya, The Suez Canal atau Terusan Suez, Mesir dianugerahkan sebagai salah satu daripada 100 keindahan alam semula jadi atau seni bina manusia di dunia. Pembaca pasti tertanya-tanya mengapakah penulis buku menobatkan Terusan Suez sebagai salah satu daripada 100 keindahan alam semula jadi atau seni bina manusia di dunia.

Melalui pembacaan, saya mendapati Terusan Suez hanya sebuah terusan yang bermula dari bandar pelabuhan Mediterranean dan satu laluan air yang sibuk di dunia. Tetapi saya masih tidak bersetuju bahawa Terusan Suez sepatutnya mendapat gelaran '100 Wonders of The World'.

Saya mendapati terusan ini hanya dikelilingi permandangan pasir dan sedikit bangunan sahaja. Saya terfikir apakah yang membezakannya dengan Terusan Welland dan Terusan Houston. Saya berpendapat Terusan Panama dan Terusan Alphonse XIII adalah lebih cantik daripada Terusan Suez.

Selain itu, terdapat beberapa keindahan alam semula jadi atau seni bina yang tidak seharusnya tersenarai dalam buku ini antaranya The Itaipu Dam, The Giant's Causeway, dan banyak lagi kerana lokasi, reka bentuk dan permandangan sekelilingnya tidak mengambarkan persepsi menarik bagi saya.

Buku ini juga boleh menjadi panduan kepada individu atau keluarga yang ingin memilih lokasi percutian kerana kesemua lokasi yang dipaparkan dalam buku ini merupakan lokasi yang sangat menarik dan boleh dikunjungi.

Badminton untuk semua

Sebuah pertandingan badminton beregu lelaki telah dianjurkan buat julung kalinya oleh Pusat Rancangan Ko-Kurikulum Kampus Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia (USM) pada 27 dan 28 April yang lalu.

Menurut Pengerusi Rancangan Sukan dan Kebudayaan Pusat Rancangan Ko-Kurikulum, Dr. Asrulnizam Abd Manaf, pasukan ko-kurikulum badminton pada semester ini ialah persatuan pertama yang mempunyai inisiatif, merancang dan menguruskan pertandingan sukan pada peringkat universiti.

"Sebelum ini, pasukan ko-kurikulum badminton serta tujuh ko-kurikulum berbentuk sukan yang lain di kampus ini hanya mengadakan pertandingan tertutup sesama ahli-ahli mereka sahaja. Ini adalah kali pertama sebuah ko-kurikulum berbentuk sukan mengadakan pertandingan di mana penyertaannya terbuka kepada semua warga kampus," jelas Dr. Asrulnizam.

Menurut Dr. Asrulnizam lagi, pertandingan tersebut telah mendedahkan peserta-peserta daripada pelbagai tahap kemahiran, iaitu daripada pemain novis kepada wakil varsiti, dan juga mengeratkan silaturrahim dalam kalangan warga kampus.

"Saya berharap ko-kurikulum sukan yang lain dapat mengikut contoh pasukan ko-kurikulum badminton ini dan menjalankan lebih banyak pertandingan peringkat varsiti," tambah Dr. Asrulnizam.

Menurut Pengarah Projek Pertandingan Badminton, Teoh Chin Hoong, pertandingan tersebut telah mendapat sambutan daripada 64 orang peserta yang terdiri daripada warga Kampus Kejuruteraan.

"Kami tidak sangka akan mendapat sambutan yang sebegitu rupa. Jangkaan saya untuk penyertaan pertandingan ini adalah paling banyak 20 pasukan sahaja," jelasnya.

Menurut salah seorang pemenang pertandingan tersebut, Kaw Meng Chung, pertandingan tersebut adalah inisiatif yang sangat baik untuk melatih warga kampus dalam teknik permainan badminton.

"Dengan mengadakan pertandingan sebegini yang menyediakan hadiah berbentuk tunai kepada pemenang-pemenang, peserta mempunyai dorongan untuk meningkatkan lagi prestasi mereka serta berlatih dengan lebih gigih untuk memenangi hadiah tersebut. Secara tidak langsung, pertandingan sedemikian akan mengasah bakat mereka dan melahirkan lebih banyak wakil varsiti," jelas Kaw.

Kaw, yang merupakan bekas pemain negeri Johor, dan rakan sepasukannya Tan Tze Chuen telah memenangi wang tunai sebanyak RM150, pingat serta hamper setelah berjaya menewaskan 31 pasukan beregu lain dalam pertandingan yang diadakan di Pusat Sukan Kampus Kejuruteraan tersebut.

Gelanggang tenis dipenuhi orang luar

Oleh **NORSYAFIQAH ZAMAL ISHAK**

Gelanggang tenis kurang dapat sambutan daripada warga Universiti Sains Malaysia (USM) khususnya siswa-siswi. 'Orang luar' yang bukan warga USM kebanyakannya memenuhi kemudahan tersebut selepas mendapatkan kebenaran.

Menurut Pengarah Pusat Sukan dan Rekreasi (PSR), Muhammad Mohd Hanif, beliau mengakui kurang mendapat permohonan atau tempahan daripada siswa-siswi untuk menggunakan gelanggang tenis. Oleh itu, PSR telah membenarkan orang luar menggunakan gelanggang tersebut dengan kebenaran.

"Kami tetap utamakan warga USM dalam semua kemudahan sukan yang disediakan termasuklah kemudahan gelanggang tenis. Namun jika tiada permintaan daripada warga USM lebih baik membenarkan orang luar menggunakannya daripada membiarkan gelanggang itu kosong", katanya.

"Hanya satu atau dua daripada lapan gelanggang sahaja yang mempunyai *block book* atau gelanggang khas untuk rakan sukan kami seperti Motorola yang memberi penajaan sebanyak RM10,000 tetapi *block book* ini hanya pada waktu malam dan tidak diberikan pada waktu puncak iaitu 5 petang hingga 7 malam", jelasnya.

"Kemudahan gelanggang tenis dibina untuk kegunaan warga USM khususnya siswa-siswi, keutamaan akan diberikan kepada mereka, walau bagaimanapun siswa-siswi masih perlu membuat tempahan di kaunter PSR enam hari sebelum penggunaan", tambahnya.

Kami tetap utamakan warga USM dalam semua kemudahan sukan yang disediakan.

USM tewas dalam suku akhir

Harapan pasukan bola jaring Universiti Sains Malaysia (USM) untuk menjuarai Grand Final Liga Bola Jaring IPT 2015 tidak kesampaian apabila tersungkur di peringkat suku akhir yang berlangsung di Dewan Serbaguna Pusat Sukan, Universiti Malaya.

Pasukan bola jaring USM tewas kepada pasukan daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang sememangnya mendominasi perlawanan dengan mata 34 berbalas 9.

Pemain posisi tengah USM, Nur Qutreen Nada Mahamud berkata mereka menghadapi kesukaran untuk menandingi pemain UTM kerana kebanyakan pemain UTM mewakili Malaysia.

Menurut kapten pasukan USM, Nurul Shuhadah Ahmad semangat juang perlu dikekalkan hingga ke akhir perlawanan walaupun bertemu dengan pasukan gergasi seperti UTM dan Universiti Putra Malaysia (UPM) kerana pemainnya mewakili Malaysia.

"Bagi Liga Bola Jaring IPT yang seterusnya, saya berharap agar pasukan USM jangan pernah berputus asa dan tidak sesekali fikir untuk menyerah kalah walaupun pemain lawan mempunyai kelebihan", ulasnya.

UTM berjaya merangkul gelaran juara selepas menang 19-16 terhadap UPM dan membawa pulang hadiah wang tunai RM3,000 manakala UPM pula berpuas hati sebagai naib juara menerima RM2,000.

Pemain posisi tengah USM, Nur Qutreen Nada Mahamud berkata mereka menghadapi kesukaran untuk menandingi pemain UTM kerana kebanyakan pemain UTM mewakili Malaysia.

The Jokers tewas dalam suku akhir

Pasukan ragbi Universiti Sains Malaysia The Jokers, berjaya mara sehingga peringkat suku akhir sahaja selepas tewas kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) Lions dalam Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) untuk Kejohanan Ragbi 7's Jemputan MASUM 2015 yang berlangsung di Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini.

Pertandingan ragbi tujuh sebelah ini melibatkan 32 pasukan daripada Universiti Awam (UA) dan Universiti Swasta (US) Malaysia.

Ketua pasukan, Mohd Izzuwan Ahmad Sukri berkata pasukannya telah membuat persiapan rapi selama dua bulan sebelum pertandingan berlangsung kerana ingin memberi tentangan sengit kepada pihak lawan walaupun kekurangan peralatan semasa latihan.

"Perlawanan peringkat kumpulan sangat sengit kerana melibatkan pasukan daripada US kerana mereka mempunyai banyak pengalaman bermain dalam kejohanan ragbi di luar", kata Izzuwan.

Menurut Izzuwan, pasukan The Jokers telah menang dua perlawanan iaitu Kolej Universiti Teknikal Lanjutan Terengganu (TATI) dan Institut Teknologi Maritim Belanda - Johor Bharu (MNIT) dan kalah kepada pasukan Universiti Kuala Lumpur Institut Teknologi Penerbangan (UniKL MIAT) dalam peringkat kumpulan.

The Jokers layak ke pusingan kedua bertemu dengan pasukan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan menang dengan dengan mata 7 - 19 seterusnya ke peringkat suku akhir bertemu dengan pasukan hebat daripada UiTM Lions.

"Pada perlawanan separuh masa kedua The Jokers telah mendahului mata daripada UiTM Lions tetapi nasib tidak baik kerana pasukan lawan terus mengasak kami dengan sengit sehingga kami tewas dengan mata 28 - 7", kata Izzuwan lagi kepada Berita Kampus.

Menurut Izzuwan lagi, pasukan The Jokers ialah antara lapan kumpulan yang terbaik dalam kejohanan ini.

Perlawanan peringkat kumpulan sangat sengit kerana melibatkan pasukan daripada US kerana mereka mempunyai banyak pengalaman bermain dalam kejohanan ragbi di luar.

Minden Tiger idam 3 mata penuh berdepan UiTM Jengka

Pasukan Minden Tiger akan mempamirkan aksi yang terbaik bagi mendapatkan tiga mata penuh apabila menentang pasukan UiTM Jengka dalam saingan Liga Institut Pengajian Tinggi (IPT), di laman sendiri pada Sabtu nanti.

Ketua pasukan, Mohd Hafizh Mansor berkata perlawanan itu amat penting bagi pasukan Minden Tiger kerana kemenangan tersebut akan naikan kedudukan semasa.

"Mahu tidak mahu, kita perlu mendapatkan tiga mata penuh pada perlawanan seterusnya untuk mendapatkan kedudukan yang teratas Liga IPT 2015", kata Hafizh.

Hafizh berkata pasukanya terpaksa bekerja keras pada perlawanan seterusnya kerana ada beberapa pemain kesebelasan utama tidak boleh diturunkan kerana digantung satu perlawanan dan seorang patah tangan kiri ketika beraksi pada perlawanan sebelum ini.

"Perlawanan sebelum ini kami telah menang 5 – 0 ke atas pasukan Universti Teknologi MARA (UiTM) Jengka baru-baru ini", jelas Hafizh.

"Bagi kami, sorakan dan sokongan penyokong merupakan suntikan semangat kepada kami untuk bermain dengan lebih baik di gelangan sendiri", katanya.

USM raih 2 emas, 2 gangsa di Kejohanan Petanque IPT 2015

Pasukan Petanque Universiti Sains Malaysia (USM) telah menyertai Kejohanan Petanque Institusi Pengajian Tempatan (IPT) Peringkat Zon Utara 2015 di Gelanggang Petanque Kompleks Sukan Negeri Perlis, pada 28 April hingga 27 April untuk semua acara petanque. Pasukan petanque telah berjaya menggondol 2 emas dan 2 gangsa dalam acara bertiga perempuan, bertiga lelaki dan campuran bergu.

Pasukan petanque telah menghantar 26 pemain untuk acara perseorangan lelaki, acara perseorangan perempuan, acara bergu lelaki, acara bergu perempuan, acara campuran bergu, acara bertiga lelaki dan acara bertiga perempuan. Pasukan petanque telah berjaya menggondal 2 emas dalam acara bertiga perempuan dan acara bertiga lelaki.

Kejohanan petanque IPT 2015 dibahagi kepada Zon Utara, Zon Tengah&Selatan, Zon Timur, Zon Sabah, Zon Sarawak. Pasukan petanque USM telah menyertai Kejohanan petanque IPT Zon Utara. Selain itu, Kejohanan petanque IPT mempunyai grand finale untuk semua pasukan yang berjaya memasuki suku akhir. 9 pasukan petanque USM termasuk 1 persorangan perempuan, 2 bergu perempuan, 1 bergu perempuan, 2 bertiga perempuan, 2 bertiga lelaki dan 1 campuran bergu telah berjaya memasuki Kejohanan petanque IPT Grand Finale 2015.

Kejohanan petanque IPT Zon Utara 2015 telah melibatkan 31 IPT, 197 pasukan dan 397 peserta. Kejohanan ini adalah anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti dan Majlis Sukan Kolej Komuniti serta dirasmikan Pengerusi Pengarah Kolej Komuniti Malaysia, Rosli Mohd Ariff.

Kejohanan petanque tersebut telah menyediakan 32 gelanggang petanque untuk keperluan pertandingan. Penentuan kemenangan sukan petanque adalah pasukan yang berjaya mendapat 13 markah dahulu dan masa pertandingan adalah 1 jam. Jika masa untuk pertandingan tersebut telah tamat, pemain petanque perlu habiskan pusingan tersebut. Jika markah untuk pertandingan tersebut adalah seri, pemain boleh bertambah 1 pusingan lagi.

Menurut ketua pasukan bertiga perempuan USM B, Nurlina Husup, kejayaan pasukannya menggondal pingat emas bagi acara itu adalah hasil tunjuk ajar senior mereka iaitu pasukan USM A yang meraih gangsa juga dalam acara tesebut.

"Sokongan kepada rakan juga adalah faktor penting bagi ahli pasukan untuk terus memberi aksi yang konsisten sehingga akhir perlawanan," katanya.

Lim Chee Wei olahragawan MASUM pertama USM

Oleh **NUR KHALIDAH ABDUL HALIM**

Lim Chee Wei, atlet karate-do Universiti Sains Malaysia (USM) memecahkan rekod USM sejak ditubuhkan kerana kali pertama dinobatkan sebagai olahragawan Majlis Sukan Universiti-universiti Malaysia (MASUM) pada 4 April 2015 di Dewan Sultan Ismail, Universiti Tun Hussein Onn (UTHM).

Anugerah tersebut disampaikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan II, YB P. Kamalanathan dan turut disaksikan oleh Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr. Omar Osman. Lim membawa pulang sebuah piala, wang RM3,000 dan sijil penghargaan.

Beliau juga telah memenangi pingat emas untuk acara karate-do di Sukan Asia 2014 di Incheon, Korea Selatan dan pingat gangsa dalam Kejohanan Asian Karate Federation (AKF) Championships di Uzbekistan pada 2013. Selain itu, beliau turut mendapat pingat emas dalam Asean University Games 2012 di Laos dan South East Asian Karatedo Federation (SEAKF) Championships 2012 di Thailand.

Menurut Lim Chee Wei, beliau tidak menyangka akan memenangi anugerah tersebut kerana telah empat kali tercalon sebagai finalis dalam kategori olahragawan MASUM.

"Saya harap kemenangan ini akan menjadi semangat buat rakan-rakan atlet lain supaya dapat mengharumkan lagi nama USM", tambah beliau.

Selain itu, Lim mahu memperbaiki kelemahannya dari segi peningkatan stamina dan berharap lebih banyak warga USM menceburi sukan karate-do.

Sebanyak 11 kategori dalam Anugerah Sukan MASUM iaitu olahragawati yang dimenangi oleh Zulhijjah Azan, pemain skuasy Universiti Putra Malaysia (UPM). Selain itu, antara anugerah lain yang dipertandingkan ialah tokoh sukan, bintang harapan lelaki dan wanita serta pasukan terbaik lelaki dan wanita.

Beliau juga telah memenangi pingat emas untuk acara karate-do di Sukan Asia 2014 di Incheon, Korea Selatan dan pingat gangsa dalam Kejohanan Asian Karate Federation (AKF) Championships di Uzbekistan pada 2013.



Kaw (depan) dan Tan beraksi semasa perlawanan akhir Pertandingan Badminton Beregu Lelaki anjuran Pusat Rancangan Kokurikulum Kampus Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia. Lihat halaman 19 untuk berita selanjutnya.